

*Bab Pertama*

# **SEJARAH PENGAJIAN MANTIQ**

# SEJARAH PENGAJIAN *MANTIQ*

## A) PENGERTIAN *MANTIQ* DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH

Sebelum dibincangkan secara panjang lebar tentang aspek-aspek yang menyentuh disiplin *Mantiq*, perlu dijelaskan bahawa kajian ini akan mengutarakan terlebih dahulu perbincangan tentang pengertian *Mantiq* dari segi bahasa dan istilah agar tasawwur dan fikrah umum mengenainya akan dapat difahami dengan lebih jelas. Ungkapan '*mantiq*' yang dimaksudkan di sepanjang penulisan disertasi ini adalah merujuk kepada disiplin *Mantiq* Greek klasik yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam setelah ianya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

### 1. Pengertian Dari Segi Bahasa

Dari segi etimologinya, perkataan "*Mantiq*" adalah berasal dari kata dasar (النطق ) yang bererti pertuturan (*al-Kalām*).<sup>1</sup> Pertuturan biasanya terbit hasil dari penggunaan suara dan huruf-huruf tertentu bagi memahamkan sesorang tentang sesuatu makna yang ingin disampaikan.<sup>2</sup> Secara metaforanya, perkataan ini juga digunakan untuk burung-burung sebagaimana firman Allah s.w.t :

<sup>1</sup> Ibn Manzūr, Jamīl al-Dīn, Muḥammad Ibn Mukrim, *Lisān al-‘Arab*, Kaherah, j. 12, t.t, h.231. Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mu‘jam al-Wasīf*, Kaherah, j. 2, 1985, h.968. Jamīl Ṣalībā, Dr., *al-Mu‘jam al-Falsafīyy*, Beirut, j. 2, 1982, h.428.

<sup>2</sup> Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyyah W a al-Thaqāfah Wa al-‘Ulūm, *al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asāsiyy*, Tunis, 1989, h.1204. lihat juga al-Fairuz Abādī, Majd al-Dīn, Muḥammad Ibn Ya‘qūb, *al-Qāmūs al-Mu‘līf*, Beirut, j. 3, 1983, h.285.

## عِلْمَنَا مَنْطَقَ الْطَّيْرِ

Walau pun penggunaan perkataan *al-nuṭq* di dalam bahasa Arab hanya merujuk kepada makna pertuturan<sup>2</sup>, namun perkataan asal Greek *λόγος* yang diterjemahkan kepada *al-Nuṭq* juga merujuk kepada makna fikiran (*al-Fikr*), selain daripada makna pertuturan<sup>3</sup>. Dalam hal ini penulis berpendapat bahawa ketiadaan satu ungkapan khusus yang menggabungkan kedua-dua makna tersebut di dalam kamus perbendaharaan kata bahasa Arab menyebabkan para penterjemah tidak memperhitungkan maksud (*madhūl*) asal perkataan tersebut ketika menterjemah ungkapan tersebut ke dalam bahasa Arab pada kurun kedua Hijrah.

Untuk membolehkan perkataan *al-Nuṭq* digunakan bagi menunjukkan kedua-dua makna tersebut, para ulama telah membahagikan *al-Nuṭq* kepada dua jenis iaitu pertuturan zahir (*al-Nuṭq al-Ẓāhirīyy*) dan pertuturan batin yang dikenali sebagai *idrāk al-Ma'qūlāt* ataupun berfikir.<sup>4</sup> Perkataan *Maṇiq* yang berasal daripada *al-Nuṭq* telah digunakan di dalam bahasa Arab untuk menunjukkan kedua-dua makna tersebut<sup>5</sup>.

Menurut kumpulan *Ikhwān al-Safāt*, *al-Nuṭq* sebenarnya adalah merupakan satu aksi jiwa manusia yang terbahagi kepada dua jenis iaitu aksi pertuturan yang

<sup>2</sup>Al-Naml : 16

<sup>3</sup>Abd al-Latiif Muhammad, Dr., *al-Taqṣīr al-Manṭiqiyy*, Kaherah, 1978, h. 14.

<sup>4</sup>Abd al-Rahman Badawī, Dr., *al-Manṭiq al-Ṣūriyy Wa al-Riyādiyy*, Kuwait, 1981, h. 3.

<sup>5</sup>*Ibid.*, h. 4.

<sup>6</sup>Muhammad Ullaysh Ḥaḍīthī al-Sayyid Muhammad Ullaysh ‘Alā Sharḥ Isāqīnī Fi ‘Ilm al-Manṭiq, Kaherah, 1909, h.16

bersifat pemikiran dan juga aksi pertuturan yang berbentuk lafaz-lafaz.<sup>1</sup> Memang tidak dapat dinafikan bahawa disiplin *Mantiq*<sup>2</sup> adalah jelas berkaitan dengan kaedah-kaedah percakapan atau pertuturan "batin" dan juga "lahir"<sup>3</sup>.

Selain daripada kedua-dua makna tersebut, *al-Farābī* menyatakan bahawa *al-Nuq* juga bermaksud satu kekuatan kejiwaan yang wujud secara semulajadi dalam diri manusia, di mana kekuatan inilah yang membezakannya dari jenis-jenis haiwan yang lain.<sup>4</sup> Makna inilah yang dimaksudkan oleh al-Tahānawī sebagai *al-Nafs al-Naqiyyah* (*a reasonable soul*) atau pun akal.<sup>5</sup>

Berdasarkan kepadauraian di atas, kita merumuskan bahawa perkataan "*Mantiq*" adalah berasal dari akar kata *al-Nuq* yang merujuk kepada makna-makna seperti pertuturan (*al-Kalām*), berfikir (*Idrāk al-Ma'qūlāt* atau *Idrāk al-Kulliyāt*) dan juga akal atau (*al-Nafs al-Naqiyyah*). Al-Tahānawī telah menjelaskan hubungan antara ketiga-tiga makna tersebut dengan disiplin *Mantiq* seperti berikut:

وأغا سمى بالمنطق لأن النطق يطلق على اللفظ وعلى إدراك الكلمات وعلى النفس الناطقة. ولما كان هذا الفن يقوى الأول ويسلك بالثانى مسلك السداد، ويحصل بسببه كمالات الثالث، اشتق له إسم منه وهو المنطق

<sup>1</sup>*Ikhwan al-Safa' Wa Khullan al-Wafā'*, *Risā'l Ikhwan al-Safa'* Wa *Khullan al-Wafā'*, Beirut, j. 1, t.t., h. 391.

<sup>2</sup>Perkataan "*Mantiq*" yang diterjemahkan dari bahasa asalnya Greek, "*logos*" tidak digunakan oleh Aristotle ketika beliau menyusun kaedah-kaedah *Mantiq*. Istilah yang digunakan oleh beliau bagi merujuk kepada disiplin ini ialah "*al-Taḥīl*". Istilah "*Mantiq*" ini telah digunakan secara meluas di zaman Alexander Of Aphrodisias. Lihat ( Muhammad 'Aziz Nazmī, Dr., *Tārīkh al-Mantiq 'Inda al-'Arab*, Kaherah, 11., h. 65.)

<sup>3</sup>Majid Fakhry, *Sejarah Falsafah Islam*, terj. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, h. 136.

<sup>4</sup>Al-Farābī, Abu Naṣr, Muhammad Ibn Ṭarķān, *Iḥsā' at-Ulūm*, Kaherah, 1968, h. 78.

<sup>5</sup>Al-Tahānawī, Muhammad 'Alī al-Faruqī, *Kashshāf Istilāḥat al-Funūn*, Kaherah, j. 3, 1964, h. 46.

terj: Dinamakan ilmu ini dengan *Maniq* kerana (akor kata) *al-Nuq* digunakan (iaitu dalam bentuk yang umum) untuk makna lafaz, berfikir dan juga akal. Memandangkan kesenian ini memperkuatkan makna atau konsep yang pertama iaitu lafaz, dan menerusi konsep yang kedua (iaitu berfikir) ia menjelaki jalan kebenaran sehingga kesempurnaan konsep yang ketiga (iaitu akal) dapat direalisasikan melalui cara ini, maka disiplin ini telah dinamakan sebagai "Maniq".<sup>1</sup>

Perkataan "*Maniq*" yang telah digunakan oleh orang-orang Arab adalah yang berasal dari perkataan Greek "*logos*". Penggunaan perkataan ini adalah merujuk kepada satu disiplin ilmu yang telah dihasilkan oleh tokoh pemikir Greek yang terkenal, iaitu Aristotle. Ia juga secara khusus dirujuk kepada disiplin ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pendalilan (*al-Istdilāl*).<sup>2</sup> Walau bagaimana pun makna asal perkataan ini iaitu pertuturan masih tetap digunakan oleh mereka.<sup>3</sup>

## 2. Pengertian Dari Segi Istilah

Dari segi istilah, lazimnya kita dapat bahan bawa para ulama *Maniq* menggunakan dua pendekatan atau metod utama iaitu *al-Ta'rif Bi al-Had* dan *al-Ta'rif Bi Al-Rasm* bagi mendefinisikan *Maniq*. Kedua-dua pendekatan ini merupakan kaedah biasa yang digunakan oleh mereka dalam mendefinisikan sesuatu.<sup>4</sup> Walau

<sup>1</sup>Ibid. h. 40, Lihat juga, R. Arnaldez, *The Encyclopaedia Of Islam*, Leiden, vol. VI, 1990, h. 442.

<sup>2</sup>Muhammad 'Aziz Naqib, *Op.cit*, h. 66

<sup>3</sup>Kenyataan ini mempunyai asas sandaran yang kukuh kerana perkataan "*Maniq*" masih tetap digunakan untuk makna pertuturan atau percakapan. Buktinya, Ibn al-Sikkīt (m. 244H/858M.) telah menamakan kitabnya yang membincarakan tentang pembetulan bahasa dan lafaz-lafaz dengan nama "*Iṣlāḥ al-Maniq*". Lihat, (Muhammad 'Aziz, *Ibid*).

<sup>4</sup>Pendefinisian *Maniq* mengikut pendekatan *al-Had* adalah berdasarkan kepada pokok perbincangan *Maniq* sementara pendefinisian mengikut pendekatan *al-Rasm* pula adalah berdasarkan kepada manfaat dan kepentingan *Maniq* kepada pemikiran manusia. Untuk keterangan lanjut tentang definisi-definisi yang dikenalkan mengikut kedua-dua pendekatan ini secara terperinci, lihat (Hijazī, 'Iwād Allah Jad, Dr., *al-Murshid al-Salim Fi al-Maniq al-Qadīm Wā al-Hadīth*, Kaherah, 1964, h.12-19.)

bagaimanapun dalam kajian ini, penulis hanya akan mengemukakan beberapa definisi *Manṭiq* yang telah dikemukakan oleh beberapa orang tokoh ulama Islam, khususnya ulama *Manṭiq* samada mengikut pendekatan yang pertama ataupun kedua.

Antara definisi-definasi *Manṭiq* yang biasa disebut dalam kitab-kitab *Manṭiq* dan Falsafah adalah sebagai berikut:

1. *Manṭiq* adalah:

آلہ قانونیۃ تعصم مراعاتها الذهن عن الخطأ فی الفكر

terj: *Satu alat yang berbentuk undang-undang (kaerah-kaerah) yang mama kepatuhan terhadap kaerah-kaerah tersebut boleh mengawal pemikiran manusia dari kesilapan.*<sup>1</sup>

2. Menurut Ibn Sīnā, *Manṭiq* adalah :

آلہ قانونیۃ تعصمہ مراعاتها عن أن يحصل فی فکرہ

terj: *Satu alat yang berbentuk undang-undang (kaerah-kaerah) yang mama kepatuhan terhadap kaerah-kaerah tersebut boleh mengawal fikiran manusia dari kesesatan.*<sup>2</sup>

3. Menurut Al-Imām al-Ghazālī, *Manṭiq* adalah:

القانون الذي به يميز صحيح الحد والقياس عن فاسدهما فيتميز العلم  
اليقيني عما ليس يقينا

<sup>1</sup>Al-Jurjānī, ‘Alī Ibn Muḥammad, *Kitāb al-Ta’rifat*, Beirut, 1985, h. 251. Majma‘ al-Lughah al-Arabiyyah, *al-Mu’jam al-Falsafiy*, Kaherah, 1983, h. 194.

<sup>2</sup>Ibn Sīnā, Abu ‘Alī Ibn Sīnā, *al-Ishbūl Wa al-Tanbīhāt*, Kaherah, 1971, h. 117. Untuk keterangan lanjut tentang beberapa ungkapan definisi *Manṭiq* yang lain menurut Ibn Sīnā, lihat, (Ibn Sīnā, *al-Najāt*, Beirut, 1985, h. 44., Ibn Sīnā, Abu ‘Alī Ibn Sīnā, *al-Hidāyah*, Kaherah, 1974. h. 64.) lihat juga, Muhammad ‘Aziz Nazmī, *Op.cit.*, h.68.)

*terj: Satu undang-undang ( kaedah-kaedah ) yang boleh membezakan antara definisi dan qias yang betul daripada yang rosak sehingga terbeza ilmu-ilmu al-Yaqīn<sup>1</sup> dari selainnya.<sup>2</sup>*

4. Menurut Ibn Khaldūn dalam *Muqaddimahnya*, *Manṭiq* adalah :

هو قوانين تعرف بها الصحيح من الفاسد في الحدود المعرفة للماهيات  
والحجج المفيدة للتتصديقات

*terj: Undang-undang yang boleh menjelaskan pengetahuan tentang pemikiran yang betul dan rosak berkaitan dengan definisi-definisi yang berfungsi menerangkan tentang hakikat sesuatu dan juga berhubung dengan hujjah-hujjah (dalil-dalil) yang berguna bagi perkara-perkara al-Taṣdiqāt (judgements).<sup>3</sup>*

5. Dr. Abū al-‘Ula ‘Afīfī mendefinisikan *Manṭiq* sebagai:

العلم الذي يبحث في صحيح الفكر وفاسدته ويضع المعرفة للماهيات  
المعرفة للماهيات الذهن عن الواقع في الخطاء في الأحكام

*terj: Satu ilmu yang membahaskan tentang pemikiran yang betul dan yang rosak serta menggariskan kaedah-kaedah yang boleh mengawal fikiran manusia daripada melakukan kesilapan dalam menjatuhkan sesuatu hukuman.<sup>4</sup>*

6. Menurut Al-Sawi, *Manṭiq* adalah

قانون صناعي عاصم للذهن عن الزلل مميز لصواب الرأي عن الخطاء في  
العوائد بحيث تتوافق العقول السليمة على صحته

<sup>1</sup>Ilmu-ilmu al-Yaqīn yang dimaksudkan oleh beliau di sini ialah ilmu yang boleh mendedahkan tentang maklumat sesuatu secara jelas, di mana sebarang keraguan dan kemungkinan wujudnya kesilapan dan kesamaran (*al-Wahm*) berhubung dengan maklumat tersebut tidak diandaikan oleh hati manusia sama sekali. lihat ( al-Għażiġi, Abū Hamid, *al-Muqniżha Min al-Dalaħ*, Tunis, t.t., h.5)

<sup>2</sup>Al-Għażiġi, Abū Hamid, *Moqasid al-Falsafah*, Kaherah, 1936, h. 6.

<sup>3</sup>Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Rahman ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut , t.t., h. 541.

<sup>4</sup>Afīfī, Abū al-‘Ula, Dr., *al-Manṭiq al-Tavjihiy*, Kaherah, t.t., h.5.

terj: Satu undang-undang ciptaan manusia bagi mengawal pemikiran manusia dari kesilapan dan membezakan antara pandangan yang benar dari yang salah dalam soal-soal yang melibatkan urusan kepercayaan, di mana pandangan tersebut dapat diterima oleh akal manusia<sup>1</sup>.

7. Al-Tahānawī mendefinisikan *Manṭiq* sebagai:

هو علم بقوانين تفيد معرفة طرق الانتقال من المعلومات إلى المجهولات  
وشرطها بحيث لا يعرض الخطأ في الفكر

terj: Pengetahuan tentang kaedah kaedah berguna bagi mengetahui metod-metod perpindahan (iaitu perpindahan pemikiran manusia) dari maklumat-maklumat yang sudah diketahui kepada maklumat-maklumat yang masih belum diketahui oleh manusia beserta dengan syarat-syaratnya supaya tidak berlaku sebarang kesilapan dalam berfikir.<sup>2</sup>

Antara beberapa definisi *Manṭiq* yang dikemukakan di atas, kita dapati bahawa definisi yang pertama di atas, adalah merupakan definisi *Manṭiq* yang paling popular dan disepakati oleh hampir kesemua para ulama *Manṭiq*. Ini kerana ianya mempunyai maksud dan pengertian yang sama dengan definisi *Manṭiq* yang telah dikemukakan oleh pengasasnya sendiri iaitu Aristotle. Beliau telah mendefinisikan *Manṭiq* sebagai satu alat (*Organon*) atau pengantar<sup>3</sup> bagi ilmu pengetahuan, di mana pokok perbincangannya yang sebenar ialah ilmu pengetahuan itu sendiri.<sup>4</sup> Menurut Aristotle, *Manṭiq* bukan

<sup>1</sup>Al-Sawi, Zayn al-Din ‘Umar ibn Sahlān, *al-Baṣā’ir al-Naṣīriyyah*, Kaherah, t.t., h. 5.

<sup>2</sup>Al-Tahānawī, *Kashshāf*, j. 4., h. 46.

<sup>3</sup>Al-Qiftī, menyatakan bahawa Aristotle telah menjadikan *Manṭiq* sebagai alat bagi ilmu-ilmu yang berbentuk teori (*al-‘Ulūm al-Naṣariyyah*). Lihat (Al-Qiftī, *Iḥkār al-‘Ulamā’ Bi Akhbār al-Hukamā’*, Kaherah, t.t., h. 22. Walau bagaimana pun seorang tokoh srijana semasa, Dr. Jalāl Muhammād Muṣā menegaskan bahawa Aristotle menganggap *Manṭiq* sebagai alat atau pengantar bagi semua ilmu pengetahuan. Lihat, (Jalāl Muhammād Muṣā, Dr., *Munhaf al-Baḥth al-‘Ilmiyy* ‘Inda al-‘Arab, Beirut, 1982, h. 58-59.)

<sup>4</sup>Al-Naṣḥṣār, ‘Alī Samī, Dr. dan al-Makkī, ‘Abd al-Razzāq, Dr., *al-Manṭiq al-Ṣūriyy*, Kaherah, 1965, h. 4.

merupakan satu ilmu kerana pokok perbincangan *Manṭiq* hanya berkisar dalam lingkungan persoalan-persoalan yang berkait dengan pemikiran manusia sahaja, bukan perkara-perkara wujud yang lazimnya menjadi pokok perbincangan sesuatu ilmu.<sup>1</sup>

Setelah dikemukakan beberapa definisi tentang *Manṭiq*, penulis seterusnya akan cuba menjelaskan pula tentang ungkapan-ungkapan perkataan yang terkandung dalam definisi *Manṭiq* yang pertama memandangkan definisi ini adalah definisi yang paling popular di kalangan tokoh-tokoh ulama *Manṭiq*, yang sekaligus menggambarkan maksud dan pengertian *Manṭiq* sebenar yang ingin disampaikan oleh definisi-definisi yang lain.

- 1) Perkataan ( ﴿ ) merupakan *al-Jins (genus)* bagi definisi di atas. Ia yang bermaksud sesuatu yang menjadi perantaraan antara pembuat dan objek perbuatannya yang mana kesan perbuatannya sudah tentu akan akan dapat dilihat pada objek tersebut. Sebagai contohnya pen yang digunakan untuk menulis di atas satu kertas.<sup>2</sup> sudah tentu kesan tulisan yang ditulis oleh seseorang akan dapat dilihat di atas kertas tersebut. Pengertian ini bersesuaian dengan penggunaan kaedah-kaedah *Manṭiq* sebagai alat untuk mengetahui tentang maklumat-maklumat *al-Taṣawwur* dan *al-Taṣdīq* yang masih belum diketahui oleh seseorang.<sup>3</sup>
- 2) Perkataan ( قانونية ) pula bermaksud satu dasar atau pernyataan umum yang membolehkan seseorang mengetahui tentang hukum-hukum *juz'iy* (*particular*) yang terletak di bawahnya, iaitu yang menerima pakai dasar-

<sup>1</sup>Hijāzī, *Op.cit.*, h. 16.

<sup>2</sup>Muhammad Shams al-Dīn, Dr., *Tafsīr al-Qanā'īd al-Manṭiqiyah*, Kaherah, 1985, h. 16.

<sup>3</sup>Muhammad Ulaysh, *Op.cit.*, h. 16

digunakan oleh manusia bagi mengawasi fikiran mereka agar tidak tersilap dalam berfikir. Selain daripada itu, penulis juga merumuskan bahawa:

1. *Mantiq* merupakan satu disiplin ilmu yang berkaitan dengan kaedah-kaedah berfikir.
2. Kaedah-kaedah *Mantiq*, selain daripada berperanan mengawal akal manusia agar terhindar dari kesilapan dalam berfikir, juga berfungsi untuk membezakan antara pemikiran yang betul dan yang menyeleweng dari lunas-lunas kebenaran. Dalam hal ini Ibn Khaldūn pernah menegaskan bahawa :

وَفَائِدَتْهُ تَمْيِيزُ الْخَطْلَ مِنَ الصَّوَابِ فِيمَا يَتَعَسَّهُ النَّاظِرُ فِي الْمُوْجُودَاتِ  
وَعُوَارِضُهَا لِيقْفُ عَلَى تَحْقِيقِ الْحَقِّ فِي الْكَائِنَاتِ. اعْتَهَى فَكْرَهُ

*terj: Mantiq berfaedah membezakan antara kesalahan dan kebenaran dalam semua perkara yang berkaitan dengan benda-benda wujud dan sifat-sifatnya ('awariqnya) bagi mengenalpasti kebenaran yang terdapat pada benda-benda yang wujud dengan penggunaan seoptimum fikiran seseorang.<sup>1</sup>*

3. *Mantiq* membahaskan mengenai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan *al-Taṣawwur* dan *al-Taṣdiq*<sup>2</sup> serta perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan kedua-dua persoalan diatas.
4. Fokus utama kajian *Mantiq* ialah perbahasan *al-Ta'rif* (definisi) yang *jāmi'*<sup>3</sup> dan *māni'*<sup>4</sup> dan juga *al-Burhān* (dalil).

<sup>1</sup>Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 529.

<sup>2</sup>*Al-Taṣawwur* bererti memahami atau menanggapi sesuatu tanpa memberi sebarang hukum sementara *al-Taṣdiq* bererti memahami atau mengisbat sesuatu dengan memberi hukum. Lihat (*Istilah Usuluddin Dan Falsafah*, Kuala Lumpur, 1991, h. 60.)

<sup>3</sup>*Jāmi'* dan *Māni'* merupakan syarat utama sah dan betulnya sesuatu definisi yang dikemukakan oleh seseorang. *Jāmi'* bererti sesuatu definisi mestilah merangkumi semua benda-benda (*afrād-afrād*) yang didefinisikan, sementara *Māni'* pula bermaksud definisi tersebut juga hendaklah tidak merangkumi benda-benda yang tidak sepatutnya termasuk dalam definisi tersebut.(penulis)

5. *Manṭiq* menjelaskan kepada manusia metod-metod dan kaedah-kaedah yang tertentu bagi mendedahkan maklumat-maklumat baru melalui perantaraan mukadimah yang sudah pun diketahui hukumnya. Metod-metod ini adalah seperti *al-Qiyās* (*syllogism*), *al-Istiqrā'* (*induction*), *al-Tamthīl* (*analogy*), dan *al-Qismah al-Manṭiqiyyah* (*logical division*).

6. *Manṭiq* merupakan satu metod yang boleh mendedahkan kepada manusia tentang hakikat sesuatu.

## B) PERKEMBANGAN PENGAJIAN *MANṬIQ*.

Sebelum perbincangan lanjut berhubung dengan sejarah perkembangan pengajian *Manṭiq* diteruskan, perlu dijelaskan di sini bahawa kajian ini hanya akan memperkatakan tentang sejarah perkembangan pengajian *Manṭiq* di Dunia Islam sahaja kerana ianya mempunyai kaitan langsung dengan tajuk penyelidikan yang dilakukan oleh penulis. Ia akan mengabaikan sejarah perkembangan Pengajian Mantiq di Greek Yunani dan Dunia Barat.

Kajian ini akan cuba melihat sumbangan yang telah diberikan oleh beberapa tokoh penterjemah dan tokoh-tokoh *Manṭiq* terkenal seperti al-Kindī, al-Farābī, Ibn Sīnā, al-Ghazālī, dan juga Ibn Rushd dalam perkembangan pengajian ini. Pemilihan tokoh-tokoh yang disebutkan di atas bagi mewakili keseluruhan para pemikir Islam di zaman mereka adalah dibuat berdasarkan kepada sumbangan mereka yang besar dalam perkembangan pengajian *Manṭiq* di Dunia Islam yang merangkumi negeri-negeri yang

terletak di Timur Islam, berpusat di Baghdad dan juga Andalus (Spanyol) di sekitar abad kedua hijrah sehingga abad keenam hijrah.

## 1. Pendahuluan.

Sebagaimana yang diketahui umum, *Manṭiq* merupakan satu cabang Falsafah Greek Yunani yang telah muncul dan berkembang pada peringkat awalnya di Greek. Tokoh Falsafah Greek yang terkenal, Aristotle<sup>1</sup> (384-322 S.M) telah berjaya menyusun kaedah-kaedah *Manṭiq* secara tersusun dan kemaskini.<sup>2</sup> Usaha beliau ini, selain daripada bermatlamat untuk menyediakan satu undang-undang berfikir bagi individu-individu yang berminat untuk mengkaji tentang ilmu-ilmu akal atau ilmu-ilmu teori, juga secara tidak langsung bertujuan untuk menyanggah aliran pemikiran Sofist (*Sufṣaṭa'iyyūn*)<sup>3</sup> yang menyesat dan mengelirukan masyarakat Greek di zamannya.

Setelah melalui beberapa period masa, disiplin ini akhirnya telah berpindah dan berkembang ke Dunia Islam. Para sejarawan dan pengkaji sejarah pemikir Islam

<sup>1</sup>Beliau ialah Aristotle bin Nichomacus yang telah dilahirkan di *Maqdūniyā* pada tahun 384 S. M. Aristotle merupakan seorang filsuf Greek dan doktor yang terkenal yang menjadi ketua bagi ahli-ahli Falsafah golongan *mashā'īn*. Beliau digelar sebagai guru yang pertama kerana beliaulah merupakan orang pertama yang telah berjaya menyusun kaedah-kaedah *Manṭiq* dengan lengkap dan sempurna. Kitab *Organon*, karangan beliau yang mengandungi lapan cabang *Manṭiq*, seperti *Categorai*, *Peri Hermeneias*, *Analytica Priora*, *Analytica Posteriora*, *Topica*, *Sophistica* dan *Rhetorica* merupakan karya utama beliau dalam bidang *Manṭiq* yang menjadi rujukan utama para sarjana dan pengkaji disiplin ini.

<sup>2</sup>Al-Shahrastāñī, Muhammād ibn ‘Abd al-Karīm, *al-Milal Wa al-Nihāl*, Kaherah, J. 2, 1976, h. 119. Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn, *Šayrūn al-Manṭiq Wa al-Kalām ‘An Fan al-Manṭiq Wa al-Kalām*, Kaherah, 1948, h. 4.

<sup>3</sup>Kumpulan yang muncul di Greek pada kurun ke 5 S.M ini mendakwa bahawa *al-Haqīqah* adalah sesuatu yang relatif, di mana manusia adalah penimbang bagi semua perkara yang berkaitan dengan kehidupannya. Apa yang dikira baik, benar dan elok, maka itulah kebaikan, kebenaran dan kebaikannya. Begitulah sebaliknya. Penyebaran propaganda yang menyesatkan ini telah menyebabkan masyarakat Greek menjadi porak peraonda, kacau bilau, wujudnya konflik minda dan runtuhnya semua sistem, adat resam dan norma-norma kehidupan yang telah diwarisi oleh mereka sejak turun temurun lagi. Antara pemimpin kumpulan ini yang terkenal ialah *Protagoras*, *Gorgias*, *Hadyas*, dan juga *Prodikus*.

bersepakat menyatakan bahwa *Mantiq* merupakan warisan Falsafah Greek pertama yang diketahui oleh orang-orang Islam.<sup>1</sup> Penyebaran disiplin *Mantiq* dalam masyarakat Islam berlaku setelah berlakunya beberapa kegiatan sosial seperti pergaulan yang berlaku antara orang-orang Islam dengan masyarakat bukan Islam yang mendiami negeri-negeri yang dibuka oleh orang-orang Islam, gerakan penterjemahan yang mendapat sokongan kuat daripada pihak pemerintah Islam dan juga melalui kegiatan pengajaran *Mantiq* yang telah digerakkan oleh tokoh-tokoh *Mantiq* terkenal samada yang beragama Islam atau pun Kristian. Faktor-faktor di atas juga menurut Dr. Muhammad Ghallab, secara tidak langsung dibantu oleh faktor-faktor keagamaan seperti dorongan al-Quran dan al-Hadith supaya umat Islam berusaha mencari ilmu pengetahuan.<sup>2</sup>

Penyebaran *Mantiq* dan Falsafah Greek melalui saluran yang pertama berlaku melalui pergaulan dalam majlis-majlis ilmu khususnya *al-Askil* atau sekolah yang dihubungkan dengan gereja atau pusat Kristian atau melalui perbincangan dan perdebatan antara ulama *al-Kalam* dan ahli gereja Kristian yang begitu tersebar luas di Dunia Islam ketika itu dari berbagai aliran mazhabnya ataupun melalui aliran *Gnosticisme* yang mengandungi banyak unsur-unsur Falsafah Greek.<sup>3</sup> Ia juga berlaku antara orang-orang Islam dengan penduduk asal negeri-negeri yang ditakluki terdiri dari Yahudi, Kristian dan Majusi yang sudahpun mengetahui tentang Falsafah Greek.

<sup>1</sup> Al-Nash̄shār, ‘Alī Samī, *Manāhij al-Baḥth ‘Inda Muṣakkirī al-Islām*, Beirut, 1982, h. 19. Lihat juga, Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn ‘Abd al-Halīm, *al-Radd ‘ala al-Manṭiqiyīn*, Bombay, 1949, h. 6-7.

<sup>2</sup> Lihat, Muhammad Ghallab, Dr., *al-Maṣrifah ‘Inda Muṣakkirī al-Muslimīn*, Kaherah, t.t, h. 150

<sup>3</sup> Muhammed Sulaiman Yasin, *Pengantar Falsafah Islam*, Kuala Lumpur, 1984, h. 139.

Pergaulan dan perinteraksian antara mereka memberi kesempatan yang luas kepada orang-orang Islam untuk menceduk ilmu-ilmu warisan peninggalan Greek dari mereka.<sup>1</sup>

Sementara perkembangan *Manṭiq* yang berlaku melalui kegiatan penterjemahan dan pengajaran *Manṭiq* pula merupakan penerus kepada kesinambungan usaha perpindahan secara tidak rasmi melalui saluran yang pertama. Gerakan penterjemahan telah berjaya memindahkan karya-karya *Manṭiq* karangan Aristotle dan Porphyry (pengulas Falsafah Aristotle) ke bahasa Arab. Sementara kegiatan pengajaran pula yang kebanyakannya dipelopori oleh tokoh-tokoh *Manṭiq* beragama Kristian pada peringkat awalnya telah banyak membantu memantapkan kefahaman umat Islam terhadap disiplin ini. Kedua-dua kegiatan ini telah memainkan peranan yang besar dalam sejarah perkembangan pengajian *Manṭiq* di Dunia Islam. Ia telah berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh *Manṭiq* terkenal yang telah memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran disiplin *Manṭiq* dalam masyarakat Islam.

Sebagai kesimpulannya kita merumuskan bahawa perkembangan pengajian *Manṭiq* berlaku di Dunia Islam melalui beberapa kegiatan seperti pergaulan antara umat Islam dengan masyarakat bukan Islam yang memiliki Falsafah Greek, kegiatan penterjemahan yang dipelopori oleh pihak khalifah Islam sendiri dan kegiatan pengajaran *Manṭiq* yang dijalankan secara aktif dalam masyarakat Islam. Faktor-faktor ini juga dibantu oleh faktor sikap positif agama Islam sendiri terhadap ilmu pengetahuan.

---

<sup>1</sup>Jamil Ṣalībā, Dr., *Tarīkh al-Falsafah al-‘Arabiyyah*, Beirut, 1981, h. 95.

Memandangkan faktor penterjemahan dan pengajaran *Mantiq*, memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam, kajian ini hanya akan difokuskan kepada kedua-dua kegiatan ini, tanpa menyentuh faktor-faktor yang lain. Pemilihan kedua-dua kegiatan ini adalah didasarkan kepada sumbangannya yang amat penting dalam sejarah penyebaran disiplin *Mantiq* dalam masyarakat Islam. Kegiatan penterjemahan yang telah dijalankan secara rasmi pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah membolehkan umat Islam mengetahui tentang disiplin *Mantiq* yang terdapat dalam karya-karya asing. Tanpa terjemahan, umat Islam tidak akan dapat memahami karya-karya tersebut. Sementara kegiatan pengajaran pula membantu umat Islam memahami tentang kaedah-kaedah *Mantiq* yang sememangnya sukar untuk difahami oleh kebanyakan orang, tanpa bantuan guru-guru yang pakar dalam bidang ini.

## 2. Penterjemahan Karya-Karya *Mantiq* Ke Bahasa Arab.

Gerakan penterjemahan karya-karya berbahasa asing, khususnya bahasa Parsi dan Greek Yunani ke bahasa Arab merupakan faktor utama berlakunya pengaliran disiplin-disiplin ilmu asing seperti Kosmologi, Kedoktoran, *Mantiq*, Theologi, Akhlak dan lain-lain lagi ke Dunia Islam.<sup>1</sup> Gerakan yang telah dijalankan secara kecil-kecilan pada zaman pemerintahan kerajaan Umayyah ini<sup>2</sup> telah digerakkan secara aktif pada

<sup>1</sup>Untuk keterangan lanjut tentang disiplin-disiplin ilmu yang telah diterjemahkan dan karya-karya yang berkaitan dengan disiplin tersebut, lihat, ( Bayyumi, 'Abd al-Mu'ti Muhammad, Dr., *al-Falsafah al-Islamiyyah Min al-Mashriq Ha'al-Maghrib*, Kaherah, j. 1, 1982, h.104-106.)

<sup>2</sup>Antara Khalifah kerajaan Umayyah yang telah melibatkan diri dalam kegiatan ini ialah Khalifah Marwan Ibn al-Ijakam (m. 65 H/ 694 M.) dan Khalid Ibn Yazid Ibn Mu'awiyah (m. 85 H/ 704 M.). Di zaman pemerintahan Khalifah Marwan telah diterjemahkan kitab Al-Han Ibn 'Ayun berkaitan dengan bidang kedoktoran daripada bahawa Syiriani ke bahasa Arab, sementara di zaman pemerintahan Khalid pula telah diterjemahkan sebahagian daripada kitab-kitab Falsafah, termasuk *Organon* karangan Aristotle. Lihat, (Bayyumi, *Ibid*, h. 97. Al Nashshar, *Op.cit.*, h. 22.)

zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah. Khususnya di period-period pemerintahan khalifah *Abū Ja'far al-Maṇṣūr* (m. 158 H./ 774 M.), *Harūn al-Rashīd* (m. 193 H./ 808 M.) dan juga *al-Ma'mūn* (m. 218 H./ 833 M.).

Secara khususnya gerakan ini telah dirintis secara rasmi pada zaman pemerintahan *Abū Ja'far al-Maṇṣūr*<sup>1</sup> iaitu pada kurun kedua hijrah. Ia telah berterusan sehingga pertengahan kurun keempat hijrah<sup>2</sup> dan berakhir apabila tibanya giliran khalifah *al-Mutawakkil* (m. 248 H./ 862 M.) menduduki takhta pemerintahan kerajaan Abbasiyah pada tahun 232 H./ 846 M. *Al-Mutawakkil* yang tidak berminat dengan disiplin-disiplin ilmu asing telah bertindak mengharamkan semua disiplin ilmu Falsafah dan menentang habis-habisan para pendokongnya yang kebanyakannya terdiri dari para penterjemah dari kalangan ahli zimmi (*ahl al-Dhimmah*). Khalifah *al-Mutawakkil* yang amat benci terhadap semua disiplin tersebut, sebaliknya telah memberi galakan dan sokongan yang kuat terhadap para *Fuqahā'* dan juga ulama *al-Hadīth*.<sup>3</sup> Walau apa pun yang berlaku, namun gerakan ini telah berjalan kira-kira tiga kurun.<sup>4</sup>

Menyorot tentang sejarah penterjemahan karya *Manṭiq*, kita akan dapat bahawa khalifah *Abū Ja'far al-Maṇṣūr* merupakan khalifah Islam yang bertanggung jawab mengeluarkan arahan supaya karya-karya *Manṭiq* yang terdapat di seluruh pelusok

<sup>1</sup>Beliau adalah 'Abd Allah ibn Muḥammad ibn 'Alī ibn 'Abd Allah ibn 'Abbas yang telah dilahirkan pada 95 H./ 713 M. Beliau telah diangkat menjadi khalifah antara tahun 137 H./ 754 M sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 158 H./ 774 M.

<sup>2</sup>*Al-Tawīl, Tawīl*, Dr., *Al-'Arab Wa al-'Ilm Fi 'Asr al-Islām al-Dhahabiyy Wa Dirāsāt Ilmiyyah Ukhra*, Kaherah, 1968, h. 273

<sup>3</sup>*Bayyūni*, *Op.cit.*, h. 102.

<sup>4</sup>Ibrahim Madkur, Dr., *Fi al-Falsafah al-Islāmiyyah: Manhajum Wa Taqbiqih*, Kaherah, j.2, 1983, h. 77. Walau bagaimana pun, kegiatan ini hanya dijalankan secara aktif pada kurun kedua dan ketiga hijrah sahaja. Lihat mukadimah kitab *al-Shijā'* yang telah ditulis oleh Dr. Ibrahim Madkur. (Ibn Sina, *Abū 'Ali ibn Sina, al-Shijā'*, Kaherah, j.1, 1985, h. 9.)

negeri yang diperintah oleh orang-orang Islam diterjemahkan dari bahasa asing ke bahasa Arab.<sup>1</sup> Arahan ini bertujuan untuk membolehkan umat Islam memanfaatkan karya-karya tersebut demi untuk mempertahankan keunggulan agama Islam melalui penggunaan qias-qias *Mantiq* bagi menghadapi musuh-musuh Islam yang menyerang Islam dengan menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq*.<sup>2</sup> Walau pun beliau seorang khalifah Islam yang amat kedekut dan suka mengumpulkan harta<sup>3</sup>, namun beliau telah mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk menggerakkan aktiviti penterjemahan karya-karya *Mantiq*.

Para pengkaji sejarah pemikiran Islam telah membuat kesimpulan bahawa keperluan semasa untuk mengetahui tentang cara-cara berjidal dan berdebat juga untuk mengetahui ukuran penilai haqiqah menurut pandangan umum pada masa itu merupakan sebab utama yang mendorong umat Islam untuk menterjemahkan karya-karya *Mantiq* lebih-lebih lagi jika dihubungkan dengan usaha mempertahankan akidah dari kritikan agama asing dan pengaruh kepercayaan zindik seperti aliran *Disaniyyah* dan *Maquniyyah* dari Parsi.<sup>4</sup>

Umum mengetahui bahawa dalam kerajaan Islam ketika itu telah berlaku perbincangan dan perdebatan agama secara meluas samada di kalangan masyarakat Islam sendiri, ataupun antara orang-orang Islam dengan pengikut agama asing seperti Yahudi dan Kristian yang diberi kebebasan penuh untuk bergaul dan bersuara di bawah

<sup>1</sup>Nu'aym, Muḥammad al-Sayyid dan Ujjāzī Ḥwaḍ Allah Jād, *Fi al-Falsafah al-Islāmiyyah Wa Si'lātuha Bi al-Falsafah al-Yūnāniyyah*, Kaherah, 1959, h. 128.

<sup>2</sup>Bayyūmī, *Op.cit.*, h. 100.

<sup>3</sup>Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn, 'Abd al-Rahmān ibn Abī Bakr, *Tārīkh al-Khulāfa'*, Kaherah, 1969, h.259.

<sup>4</sup>Muhammad Sulaiman Yasin, *Op.cit.*, h. 140.

naungan kerajaan Islam. Perdebatan dan perbincangan tersebut sudah tentu telah mendorong dan mendesak umat Islam untuk mempelajari dan mengetahui tentang *Mantiq*, yang dianggap sebagai satu ilmu yang dapat mengawal pemikiran manusia dari kesalahan dan kesilapan, supaya iaanya dapat menolong mereka menyusun hujjah dan mengatur bukti berdasarkan kaedah-kaedah *Mantiq*, setanding dengan orang-orang Yahudi, Kristian, Parsi, Zindik dan juga Atheis (*Mulhid*) yang sememangnya memiliki kepacaran dalam bidang ilmu pengetahuan Greek terutamanya *Mantiq*. Mereka telah berjaya mempergunakannya dengan sebaik-baiknya.<sup>1</sup>

Terdapat di kalangan pengkaji yang berpendapat bahawa penterjemahan karya-karya *Mantiq* telah berlaku sebelum daripada zaman al-Mansur lagi iaitu, pada masa pemerintahan kerajaan khalifah Khalid bin Yazid bin Mu'awiyyah dari kerajaan Umayyah. Beliau telah meminta sebahagian para cendekiawan Greek supaya menterjemahkan *Organon*, karangan Aristotle dari bahasa Greek Yunani ke bahasa Arab dan beberapa karya Falsafah yang lain.<sup>2</sup> Pendapat ini diperkuatkan lagi dengan pandangan al-Shahrastani yang menyatakan bahawa pengikut-pengikut Waṣil ibn ‘Atā’ telahpun membaca sebahagian daripada kitab-kitab Falsafah.<sup>3</sup>

Dalam hal ini, penulis berpendapat bahawa walaupun terdapat kegiatan penterjemahan karya *Mantiq* sebelum zaman al-Mansur, namun usaha tersebut tidak banyak membantu mengembangkan disiplin ini dalam masyarakat Islam. Ini kerana

<sup>1</sup>Ibid, h. 142.

<sup>2</sup>Al-Nashshar, *Op.cit.*, h. 22.

<sup>3</sup>Al-Shahrastani, Op.cit., h. 46. Lihat juga, ‘Uthmān ibn ‘Alī, *Munhaj al-Istdal*, ‘Alā Masa'il al-Itiqād ‘Inda Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah, Riyad, t.t., h. 606.

usaha tersebut hanya dijalankan secara kecil-kecilan oleh segelintir individu yang berminat dengan pemikiran asing. Selain dari tidak mendapat galakan dan sokongan yang kuat daripada pihak pemerintah Islam pada waktu itu, kegiatan ini juga telah dijalankan secara terselindung kerana usaha mendekati semua bentuk pemikiran asing ditentang hebat oleh sebahagian besar dari kalangan ulama Islam di zaman tersebut.

Gerakan penterjemahan ini sebenarnya telah dijalankan dengan lebih aktif lagi pada zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mūn.<sup>1</sup> Menurut al-Suyūṭī, al-Ma'mūn telah memainkan peranan yang penting memasukkan disiplin *Māniq*, Falsafah dan semua disiplin ilmu Greek ke dalam masyarakat Islam melalui penterjemahan karya-karya asing yang telah didatangkan khas daripada kepulauan Cyprus.<sup>2</sup>

Para sejarawan telah berselisih pendapat dalam menentukan faktor sebenar yang mendorong al-Ma'mūn untuk menggerakkan aktiviti ini secara intensif. Ibn al-Nadīm berpendapat bahawa ianya dipengaruhi oleh faktor mimpi beliau bertemu dengan Aristotle,<sup>3</sup> sementara Ibn Khaldūn pula berpendapat bahawa yang mendorongkan al-Ma'mūn mengambil tindakan tersebut ialah kerana sikap dan alirannya yang lebih cenderung kepada qias akal (*al-Qiyās al-'Aqlīyy*) dan pengaruh aliran Muktazilah

<sup>1</sup>Beliau ialah 'Abd Allah, Abū al-Abbās Ibn al-Rashīd yang telah dilahirkan pada tahun 170 H. 786 M. Beliau yang telah memberi perhatian serious terhadap Falsafah dan disiplin ilmu orang-orang dahulukala, telah meninggal dunia pada tahun 218 H./ 833 M.

<sup>2</sup>Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, 'Abd al-Rahmān Ibn Abī Bakr, *al-Wāṣi'īl li-l-Muṣāmarah al-Awā'il*, Baghdad, 1950, h. 136.

<sup>3</sup>Untuk keterangan lanjut tentang mimpi tersebut, lihat (Ibn al-Nadīm, Muḥammad Ibn Isḥāq, *al-Fihrist*, Kaherah, t.t., h. 353).

sehingga mengheret beliau untuk melibatkan diri dalam perdebatan hebat berkenaan dengan isu kemakhlukan al-Qur'an (*Khalq al-Qur'an*).<sup>1</sup>

Al-Ma'mūn telah memberi galakan, perangsang dan sokongan yang kuat untuk menjayakan kegiatan ini. Beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan "bayt al-Hikmah" (*House Of Wisdom*) sebagai sebuah institusi yang bertanggung jawab menyelenggarakan kerja-kerja yang berkaitan dengan kegiatan penterjemahan.<sup>2</sup> Untuk mencapai hasrat ini, beliau telah menempatkan di institusi ini semua pakar-pakar penterjemah yang mahir dengan bahasa Suryani, Greek dan bahasa Arab untuk menjalankan kerja-kerja menterjemahkan karya-karya asing ke bahasa Arab. Untuk melicinkan lagi aktiviti ini, al-Ma'mūn telah mengeluarkan peruntukan yang banyak dari perpendaharaan negara bagi membiayai kegiatan ini, khususnya untuk membayar upah kepada para penterjemah. Beliau dilaporkan telah memberi upah matawang emas yang sama beratnya dengan berat timbangan karya-karya yang telah diterjemahkan.<sup>3</sup> langkah ini telah menyebabkan banyak karya-karya Falsafah dalam semua cabangnya telah berjaya diterjemahkan ke bahasa Arab.

Secara ringkasnya, kita merumuskan bahawa kegiatan penterjemahan merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya penyebaran disiplin *Mantiq* ke dalam masyarakat Islam. Kegiatan ini secara langsung telah menyebabkan terhasilnya

<sup>1</sup>Dipetik oleh Dr. Muhammad 'Abd al-Sattār dalam kitabnya, *Fī al-Falsafah al-Islāmiyyah; Qadāya Wa Minnaqashat*, Kaherah, j. 1, 1982, h. 49.

<sup>2</sup>Rifā'ī, Ahmad Farīd, Dr., *'Asr al-Ma'mūn*, Kaherah, j. 1, 1928, h. 375. Brockelmann, Carl, *Tarīkh al-Shū'ub al-Islāmiyyah*, Beirut, 1981. Lihat juga, D. Soudel dalam, *The Encyclopaedia Of Islam*, vol. IV, 1990, h. 1111.

<sup>3</sup>Bayyūmī, *Op.cit.*, h. 101.

banyak karya-karya terjemahan dalam bidang *Mantiq*. Terjemahan tersebut sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa bagi mempastikan kandungan sesuatu karya yang diterjemahkan menerap pengertian sebenar yang tersirat dalam karya asal. Ia juga telah berjaya melahirkan beberapa tokoh *Mantiq* yang terkenal di kalangan orang-orang Islam seperti al-Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā dan lain-lain lagi.

## **2.1. Tokoh-Tokoh Penterjemah Dan Sumbangan Mereka.**

Kita sedia maklum bahawa gerakan penterjemahan merupakan faktor utama kemasukan *Mantiq* ke Dunia Islam. Kejayaan kegiatan ini, selain daripada bergantung kepada faktor galakan, perangsang dan motivasi yang telah diberikan oleh pihak pemerintah kerajaan Abbasiyah, juga lebih banyak bergantung kepada sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh penterjemah yang sebahagian besarnya adalah terdiri dari kalangan ahli zimmi.

Terdapat tokoh-tokoh penterjemah yang terlibat secara langsung dalam kegiatan penterjemahan karya-karya asing. Antara mereka ialah Abū Ya‘qūb Yūsuf Ibn Ishaq al-Kindī<sup>1</sup>, ‘Abd Allah Ibn al-Muqaffā<sup>2</sup>, Hunayn Ibn Ishaq, Ishaq Ibn Hunayn, Thabit Ibn Qurrah, ‘Umar Ibn Farrakhan al-Tabari, Abū Bishr, Matta Ibn Yunus, Yahya Ibn ‘Adī, Ibn Na‘imah al-Himsī, Thabit Ibn Qurrah al-Harrānī, Qisṭa Ibn Luqā al-Ba’labaki<sup>2</sup>, dan juga Yahya Ibn al-Bitriq. Mereka telah memberi sumbangan yang besar kepada penyebaran *Mantiq* di Dunia Islam.

<sup>1</sup>Sumbangan al-Kindī dalam perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam akan dibentangkan oleh penulis seterusnya di bawah tajuk tokoh-tokoh *Mantiq* dan sumbangan mereka dalam perkembangan pengajian *Mantiq*. (penulis).

<sup>2</sup>Beliau telah berjaya menterjemah kitab *al-Maqulat* (*Categories*), karangan Aristotle ke bahasa Arab.

Untuk huraian seterusnya, kajian ini akan cuba melihat sumbangan yang telah diberikan oleh beberapa orang tokoh terkenal seperti Ibn al-Muqaffa<sup>4</sup>, Hunayn Ibn Ishāq, Ishāq Ibn Hunayn dan Abu Bishr, Mattā Ibn Yūnus yang terlibat secara langsung dengan penterjemahan karya-karya *Mantiq*, khususnya *Organon* karangan Aristotle.

### 2.1.1. *Ibn al-Muqaffa*<sup>4</sup> (m. 139 H/ 756 M.)

Beliau ialah ‘Abd Allah Ibn al-Muqaffa<sup>4</sup>, kerani kepada khalifah Abū Ja‘far Ibn al-Manṣur berbangsa Parsi. Sejarawan Andalus yang terkenal, Ṣa‘id al-Andalusiyy menyatakan bahawa beliaulah orang pertama yang terkenal dalam bidang *Mantiq* dalam kerajaan Abbasiyah.<sup>1</sup> Penulis berpendapat bahawa ketersohoran beliau dalam bidang ini dikaitkan dengan sumbangan beliau yang besar dalam kegiatan penterjemahan karya-karya *Mantiq*. Catatan para sejarawan dan pengkaji sejarah pemikiran Islam menunjukkan bahawa Ibn al-Muqaffa<sup>4</sup> adalah merupakan tokoh terawal yang terlibat secara langsung dalam kegiatan penterjemahan karya-karya *Mantiq* dari bahasa asing ke bahasa Arab.

Beliau telah menterjemahkan tiga buah kitab *Mantiq* karangan Aristotle yang terkenal iaitu, *al-Maqūlāt* (*Categoriae*), *al-‘Ibārah* (*Peri Hermenies*), *Anālytiqā al-Ūlā* (*Analytica Priora*) dan juga pengantar *Isagoge* yang telah ditulis oleh Porphy<sup>2</sup> dari bahasa Parsi ke bahasa Arab.<sup>3</sup> Karya-karya tersebut merupakan karya Falsafah yang

<sup>1</sup> Ṣa‘id al-Andalusiyy, Abū al-Qasim, Ṣa‘id Ibn Alīmad, *Taḥqiqat al-Umam*, Beirut, 1985, h. 130.

<sup>2</sup> *Ibid.* Al-Qiftī, *op.cit.*, h. 220. Lihat juga, ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, Dr., *al-Taṣkir al-Falsafīyy Fī al-Islām*, Kaherah, j.1, 1977, h. 64. Manuskrip karya-karya tersebut terdapat di University Of St. Joseph, Beirut, No. 338. Cf. Kraus In Rivista Degli Studi Orientali, XIV (1934), h. 1-20.

<sup>3</sup> Lihat mukadimah kitab *al-Shifā*, yang telah ditulis oleh Dr. Ibrāhīm Maḍkūr, (Ibn Sīnā, *al-Shifā*, h. 2.)

terawal telah diterjemahkan dari bahasa asing ke bahasa Arab. Usaha ini telah dilakukan oleh beliau kerana khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mengeluarkan arahan khusus kepada beliau agar berbuat demikian.

### 2.1.2. Hunayn Ibn Ishāq (m. 267 H/877 M.)

Hunayn Ibn Ishāq<sup>1</sup> juga telah memainkan peranan yang amat penting dalam kegiatan penterjemahan *Mantiq*. Sejarawan Šā'id al-Andalusiy yang memetik kata-kata Abu Ma'shar, Ja'far Ibn Muhammad al-Balkhi, dalam kitabnya "al-Mudhakkirat Li Shadhan" menyatakan bahawa Hunayn Ibn Ishāq adalah salah seorang daripada empat pakar penterjemah yang unggul dalam Islam, selain daripada Thabit Ibn Qurrah al-Harrani, Umar Ibn al-Farrakhan al-Tabari dan al-Kindi (m. 260 H/873 M.).<sup>2</sup>

Beliau dan pendokong-pendokong madrasahnya telah berjaya menterjemahkan *Organon* secara keseluruhannya dari bahasa Greek kepada bahasa Suryani, seterusnya kepada bahasa Arab.<sup>3</sup> Selain daripada itu, beliau juga telah menterjemahkan ulasan-ulasan awal *Organon* yang telah ditulis oleh pengulas-pengulas *Mantiq* Aristotle, khususnya ulasan *Alexandria Of Aprodicias* dan *Porphyry*.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Šā'id al-Andalusiy menyebut namanya dengan sebutan Hunayn Ibn Ishāq Abu Zayd, Lihat, (Šā'id al-Andalusiy, *Op.cit.*, h. 101)

<sup>2</sup> *Ibid*, h. 102.

<sup>3</sup> Al-Nashshar, *Op.cit.*, h. 24.

<sup>4</sup> Ibn al-Nadim, *Op.cit.*, h. 347-348.

Usaha yang telah dilakukan secara intensif oleh Hunayn ini, selain dari bertujuan untuk mendapat ganjaran upah yang mahal daripada pihak khalifah Islam,<sup>1</sup> juga didorong oleh perasaan tidak puas hati beliau terhadap kualiti terjemahan yang telah dihasilkan oleh Ibn al-Muqaffa<sup>2</sup> sebelumnya. Setelah karya-karya tersebut diterjemahkan, maka ramai dari kalangan ahli Falsafah dan para penterjemah seperti al-Kindī, Hunayn Ibn Ishāq dan al-Fārābī yang membuat kajian terhadap karya-karya tersebut bagi membolehkan mereka membuat ulasan dan ringkasan terhadapnya.<sup>3</sup>

#### 2.1.3. *Ishāq Ibn Hunayn (m. 298 H/ 910 M.)*

Ishāq Ibn Hunayn, iaitu anak kepada Hunayn Ibn Ishāq juga merupakan antara barisan penterjemah yang terlibat secara langsung dalam kegiatan penterjemahan *Mantiq*. Al-Qiftī menyifatkan beliau sebagai seorang tekun dan aktif dalam menyumbangkan khidmat baktinya dalam bidang penterjemahan.<sup>4</sup> Beliau telah menterjemahkan semula beberapa karya Falsafah yang telah diterjemahkan oleh bapanya Hunayn.<sup>4</sup>

Sumbangan beliau dalam penterjemahan karya-karya *Mantiq* dapat kita lihat pada kejayaan beliau menterjemahkan kitab *al-'Ibārah (Peri Hermenics)* dari bahasa

<sup>1</sup> Memandangkan khalifah al-Ma'mūn menilai kadar upah untuk kerja-kerja penterjemahan berdasarkan kepada berat timbangan karya-karya yang diterjemahkan, beliau dilaporkan telah menulis terjemahan karya-karya asing di atas kertas yang tebal dengan membessarkan tulisannya serta menjarakkan tulisan tersebut agar karya-karya terjemahan tersebut menjadi lebih berat apabila berada di atas timbangan. Semakin berat timbangan karya-karya tersebut, semakin banyak matawang dirham emas yang akan diperolehinya. Lihat, (al-Tawil, Tawfiq, *Op.cit.*, h. 273.)

<sup>2</sup> Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 348 dan 358.

<sup>3</sup> al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 118

<sup>4</sup> Umar Farrukh, Dr., *al-Minhāj al-Jadīd fī al-Falsafah al-'Arabiyyah*, Beirut, 1982, h. 95.

Suryani ke bahasa Arab dan kitab *al-K̄lājābah (Topica)* dari bahasa Greek ke bahasa Arab.<sup>1</sup> Beliau juga telah menterjemahkan kitab *al-Burhān (Analytica Posteriora)* dari bahasa Greek ke bahasa Suryani yang kemudiannya diterjemahkan oleh Abu Bishr ke bahasa Arab.<sup>2</sup>

#### 2.1.4. *Abū Bishr Mattā Ibn Yūnus (m. 328 H./939 M.)*

Abu Bishr juga merupakan antara tokoh penting yang telah terlibat secara langsung dalam kegiatan penterjemahan dan pengajaran disiplin *Manqiq* dalam masyarakat Islam. beliau telah berjaya menterjemah kitab *al-Burhān (Analytica Posteriora)* dan kitab *al-Sīt̄r (Poetica)*, karangan Aristotle daripada bahasa Siryani ke bahasa Arab.<sup>3</sup> Kitab *Isagoge* karangan Porphyry juga telah diterjemahkan oleh beliau ke bahasa Arab.<sup>4</sup> Selain daripada itu, beliau bersama dengan Ibn Na‘imah al-Himṣī juga telah berjaya menterjemah kitab *al-Muḡħalātah (Sophistica)* dari bahasa Greek kepada bahasa Siryani yang kemudiannya diterjemahkan oleh Yahyā ibn ‘Adī kepada bahasa Arab.<sup>5</sup>

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan kepada kita bahawa karya-karya *Manqiq* Aristotle bersama dengan pengantar *Isagoge* yang telah ditulis oleh *Porphyry* telah berjaya diterjemahkan ke bahasa Arab oleh pakar-pakar penterjemah yang

<sup>1</sup>Jurjī Zaydān, *Tārīkh al-Tamaddun al-Islāmiyy*, Beirut, j. 3, 1967, h. 168.

<sup>2</sup>Rifa‘ī, *Op.cit.*, h. 382.

<sup>3</sup>Jurjī Zaydān, *Op.cit.*, h. 168.

<sup>4</sup>Nu‘aym, *Op.cit.*, h. 162.

<sup>5</sup>Jurjī Zaydān, *Op.cit.*, h. 168.

mendapat bayaran upah yang tinggi daripada pihak pemerintah Islam. Hakikat ini telah diakui sendiri oleh Ibn Khaldūn. Beliau menegaskan di dalam *muqaddimahnya* bahawa kesemua karya Aristotle dalam bidang *Mantiq* telah diterjemahkan kepada bahasa Arab. Menurutnya lagi setelah selesai kerja-kerja penterjemahan dijalankan, karya-karya tersebut terus diulas atau diringkaskan oleh ahli-ahli Falsafah Islam seperti al-Fārābī, Ibn Sīnā dan Ibn Rūshd.<sup>1</sup>

Sebagai kesimpulannya kita merumuskan bahawa sumbangan tokoh-tokoh penterjemah adalah besar dalam perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam. Tanpa usaha mereka, maka sudah tentu disiplin *Mantiq* tidak akan tersebar secara meluas dalam masyarakat Islam kerana disiplin yang diabadikan dalam karya-karya berbahasa asing ini tidak akan dapat difahami oleh orang-orang Arab yang hanya mengetahui tentang bahasa ibunda mereka sahaja.

Perkembangan ini telah memberi kesan yang positif kepada penyebaran disiplin *Mantiq* dalam masyarakat Islam, di mana sebelum menjelangnya pertengahan kurun keempat hijrah, terdapat banyak karya-karya berkaitan dengan bidang *Mantiq* telah berjaya dihasilkan oleh tokoh-tokoh *Mantiq* di kalangan para cendekiawan muslim. Karya-karya yang dihasilkan oleh mereka telah menjadi bahan rujukan utama kepada para pengkaji.

---

<sup>1</sup>Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 543.

### **3. Pengajaran *Mantiq* Dalam Masyarakat Islam.**

Selain daripada kegiatan penterjemahan yang telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam, perlu dijelaskan bahawa perkembangan pengajian ini juga mempunyai kaitan yang rapat dengan kegiatan pengajaran *Mantiq* yang telah digerakkan oleh beberapa orang tokoh *Mantiq* terkenal di Dunia Islam, samada dari kalangan para pemikir Islam ataupun bukan Islam. Kajian ini akan cuba melihat sumbangan yang telah diberikan oleh beberapa orang tokoh *Mantiq* yang telah terlibat secara langsung dalam kegiatan ini, seperti al-Kindī, Abu Bishr Mattā Ibn Yunus, Yuhanna Ibn Ḥayalān, ‘Abd Allah Ibn al-Natīlī, al-Fārābī dan juga Ibn Sīnā.

Al-Kindī telah melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan pengajaran *Mantiq* di kalangan orang-orang Islam. Beliau telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh *Mantiq* seperti Ahmad Ibn al-Tayyib, Ibrāhīm Quwayrī<sup>1</sup> dan juga Ahmad Ibn Karnīb atau lebih popular dengan gelaran Ibn Karnīb.<sup>2</sup> Ketiga-tiga tokoli ini telah mempelajari *Mantiq* daripada al-Kindī, di mana Ahmad Ibn al-Tayyib telah muncul sebagai seorang tokoh yang paling popular di kalangan mereka. Beliau telah berjaya menghasilkan beberapa ringkasan bagi karya-karya *Mantiq* Aristotle seperti *Mukhtaṣar Kitāb Qatīghūriyās* (*Categorae*), *Mukhtaṣar Kitāb Barmīnās* (*Peri Hermeneies*), *Mukhtaṣar Kitāb Anāḥūqā al-Awwal* (*Analytica Priora*) dan *Mukhtaṣar Kitāb Anāḥūqā al-Thānī* (*Analytica Posteriora*).<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Al-Qiftī melaporkan bahawa Ibrāhīm Ibn Quwayrī telah berjaya menterjemahkan beberapa buah kitab *Mantiq* Aristotle seperti *Categorae*, *Peri Hermeneies*, dan *Analytica Priora*. Lihat, (al-Qiftī, *Op.cit.* h. 55.)

<sup>2</sup> Al-Qiftī, *Ibid.*, h. 55. Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 379-381.

<sup>3</sup> Ibn al-Nadīm, *Ibid.*, h. 380.

Selain daripada nama-nama di atas, kita juga dapatiti bahawa Ahmad Ibn Muhammād al-Sarkhasī (m. 286 H/ 899 M.) juga merupakan antara murid beliau yang pakar dalam bidang *Mantiq*. Al-Sarkhasī telah berjaya menghasilkan banyak karya-karya yang berbahasa indah dan beberapa ringkasan menarik berhubung dengan bidang *Mantiq*.<sup>1</sup> Walau pun sebahagian daripada sejarawan, contohnya Ṣā'īd al-Andalūsiyy tidak menyenaraikan karya-karya *Mantiq* yang telah dihasilkan oleh beliau, namun al-Qifī menyatakan bahawa karya-karya hasilan al-Sarkhasī adalah kitab *Categoraci, Peri Hermenies* dan juga *Analytica*.<sup>2</sup>

Abū Bishr Mattā Ibn Yūnus,<sup>3</sup> seorang tokoh *Mantiq* beragama Kristian, juga adalah antara barisan tokoh-tokoh terkenal *Mantiq* yang bergiat aktif mengembangkan disiplin *Mantiq* melalui kegiatan pengajaran di Dunia Islam. Catatan sejarah menunjukkan bahawa antara tujuan utama penghijrahān beliau ke Bagdad adalah untuk menyebarluaskan ilmu pengetahuan beliau berkaitan dengan *Mantiq* kepada masyarakat Islam di sana.<sup>4</sup> Tindakan beliau berhijrah ke Bagdad ini menurut pandangan penulis, adalah banyak didorong oleh faktor galakan dan sokongan kuat para khalifah kerajaan Abbasiyah terhadap penyebaran disiplin *Mantiq* dan cabang-cabang disiplin Falsafah yang lain dalam masyarakat Islam.

<sup>1</sup> Ṣā'īd al-Andalūsiyy, *Op.cit.*, h. 136-137. Al-Qifī, *Op.cit.*, h. 55-56. Ibn Abī Uṣaybi'ah, 'Uyun al-Anba' Fi Ḥabaqat al-Atībā', Farnborough, j. 1., h. 214.

<sup>2</sup> Al-Qifī, *Ibid.* h. 56.

<sup>3</sup> Untuk keterangan lanjut tentang bibliografi beliau, lihat (Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 382-383. Al-Qifī, *Ibid.*, h. 212.)

<sup>4</sup> Al-Qifī, *Ibid.* h. 56.

Karya-karya yang telah dihasilkan oleh Abu Ḫishr dalam bidang *Mantiq* telah menjadi rujukan utama bagi pendokong *Mantiq* di zaman beliau. Halaqah ilmu yang dikendalikan oleh beliau di Baghdad, telah dikunjungi oleh beratus-ratus orang penuntut dari seluruh pelusok negeri setiap hari. Mereka datang untuk mempelajari *Mantiq* daripada beliau. Tokoh Falsafah Islam terkenal, al-Fārābī adalah antara ratusan penuntut beliau yang sentiasa mengikuti pengajaran *Mantiq* yang telah dikendalikan oleh beliau di Baghdad.<sup>1</sup>

Nicholas Rescher, seorang tokoh sarjana Barat menyatakan bahawa kegiatan pengajaran *Mantiq* di Dunia Islam telah mencapai kemuncaknya di zaman Abu Ḫishr dan al-Fārābī. Ianya telah dijalankan dengan lebih aktif berbanding dengan kegiatan-kegiatan pengajaran *Mantiq* yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh *Mantiq* sebelumnya seperti Abu Yahyā al-Marwāzī (m. 298 H./ 910 M.), Ibrāhīm Quwayrī (m. 303 H./ 915 M., Ibnu Ḥayātān (m. 308 H./ 920 M.) dan al-Rāzī (m. 313 H./ 925 M.).<sup>2</sup>

Abu Ḫishr terkenal sebagai seorang tokoh ulama *Mantiq* yang pandai menggunakan bahasa yang indah, halus, dan senang difahami dalam menghuraikan tentang kaedah-kaedah *Mantiq* yang dianggap sukar difahami oleh kebanyakan orang. Kemahiran ini juga telah dapat dikuasai oleh al-Fārābī setelah beliau yang terlalu mengagumi gurunya, telah berusaha mempelajari tentang selok belok kesenian yang

<sup>1</sup>Lihat, Bon Carré De Vaux dalam *Encyclopaedia Of Religion And Ethics*, Edinburgh, vol. V, 1912, h. 757. Ibn Khallikān, Ahmad Ibn Muhammad, *Wafayat al-Āyan Wa Anba' Abnā' al-Zaman*, Beirut, j. 5, 1977, h. 153-154. Sejarawan Andalus yang terkenal, Ṣā'īd al-Andalusiyy tidak menyatakan bahawa al-Fārābī adalah salah seorang murid Abu Ḫishr. Beliau cuma menyatakan bahawa al-Fārābī adalah hidup sezaman dengan Abu Ḫishr, di mana usia al-Fārābī adalah lebih muda daripadanya. Lihat, (Ṣā'īd al-Andalusiyy, *Op.cit.*, h. 140.)

<sup>2</sup>Resher, Nicholas, *Taqṣīrūr al-Mantiq al-‘Arabīyy*, Kaherah, 1958, h. 150.

dimiliki oleh gurunya tersebut. Al-Fārābī akhirnya pandai menggunakan bahasa yang senang difahami bagi menjelaskan tentang makna-makna yang sulit untuk difahami.<sup>1</sup>

Selain daripada Abū Bishr, Yuhānā Ibnu Ḥayalān dan Abdullah al-Natīlī<sup>2</sup> juga merupakan antara tokoh ulama *Mantiq* yang menjadi tenaga pengajar utama dalam aktiviti pengajaran *Mantiq* di Dunia Islam. Yuhānā telah menjadi guru kepada al-Fārābī dalam bidang *Mantiq* semasa Al-Fārābī menemui beliau di bandar Harrān.<sup>3</sup> Abdullah al-Natīlī pula telah mengajar Ibn Sīnā tentang *Mantiq* di *Bukhārā*.<sup>4</sup>

Kegiatan pengajaran *Mantiq* yang kebanyakannya dikendalikan oleh tokoh-tokoh ulama *Mantiq* yang beragama Kristian ini telah berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh ulama *Mantiq* Islam seperti al-Fārābī, Ibn Sīnā, Ibn Rushd dan lain-lain lagi. Mereka kemudiannya meneruskan kesinambungan usaha ini bagi mempastikan disiplin yang amat dikagumi oleh mereka ini tidak terus terkubur.

Walau pun kebanyakan sejarawan tidak menyenaraikan nama-nama penuntut mereka, kecuali beberapa nama yang disebut oleh Ibn al-Nadīm dan Ibn Abī Usaybi‘ah seperti Yahyā Ibni ‘Adī, murid kepada al-Fārābī.<sup>5</sup> Abū ‘Ubayd al-Juzjānī dan Abū

<sup>1</sup>Ibn Khallikān, *Op.cit.*, h. 151. Lihat juga, Ibn al-‘Imād, ‘Abd al-Hayy Ibni al-‘Imād, *Shudharat al-Dhiddhab Fī Akhbar Man Dhidhab*, Kaherah, j. 2, 1932, h. 351.

<sup>2</sup>Abdullah al-Natīlī adalah merupakan murid kepada Abū al-Fatj Ibni al-Tayyib, seorang tokoh ulama terkenal kurun ke 4 hijrah. Lihat, Al-Ahwānī, *Ibn Sīnā* dalam *Nawābiq al-Fikr al-‘Arabiyy*, Kaherah, 1958, h. 22.)

<sup>3</sup>Ibn Khallikān, *Op.cit.*, h. 154. Lihat juga, Shāfi‘id al-Andalusiyy, *Op.cit.*, h. 137.

<sup>4</sup>Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 269. Abdullah al-Natīlī telah dijemput khas oleh bapa Ibn Sīnā untuk mengajarkan anaknya Ibn Sīnā tentang *Mantiq* dirumahnya sendiri. Kitab pertama yang dipelajarinya ialah *Isagoge*, karangan Porphyry. Lihat, (Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 269.)

<sup>5</sup>Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 383.

Muhammad al-Shirazi, murid kepada Ibn Sina,<sup>1</sup> Abu Abd Allah al-Nadrumi, Abu Ja'far, Ahmad Ibn Sabiq, Abu al-Qasim al-Taylasan, murid kepada Ibn Rushd,<sup>2</sup> namun penulis berkeyakinan bahawa mereka telah menyampaikan pengajaran *Mantiq* kepada ribuan penuntut di seluruh pelusok Dunia Islam, samada di Timur Islam atau pun Andalus (Spanyol).

Sebagai kesimpulannya kita merumuskan bahawa kegiatan pengajaran *Mantiq* dalam masyarakat Islam telah memainkan peranan yang besar dalam penyebaran disiplin *Mantiq* di Dunia Islam. Ia telah berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh *Mantiq* terkenal dari kalangan umat Islam yang telah memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran disiplin *Mantiq* di Dunia Islam.

### ***3.1. Tokoh-Tokoh Mantiq Dan Sumbangan Mereka.***

Setelah dihuraikan sumbangan beberapa orang tokoh *Mantiq* dalam kegiatan pengajaran *Mantiq* di Dunia Islam yang berpusat di Baghdad, penulis merasakan bahawa perbincangan sebelum ini tidak akan lengkap scandainya tidak dibicarakan sumbangan tokoh-tokoh *Mantiq* Islam dalam menyebarkan disiplin ini dalam bentuk penghasilan karya-karya *Mantiq* yang menjadi rujukan utama kegiatan pengajian dan pengajaran *Mantiq* di Dunia Islam semenjak dari zaman dahulu sehingga kini.

<sup>1</sup>Ibn Abi Usaybi'ah, *'Uyin al-Anba'*, j. 2, h. 4-5. Abu 'Ubayd al-Juzjani, juga merupakan sahabat setia kepada Ibn Sina, melaporkan bahawa al-Shirazi telah membeli sebuah rumah yang berhampiran dengan rumahnya untuk dihadiahkan kepada Ibn Sina bertujuan untuk memudahkan beliau mempelajari *Mantiq* dengan beliau, Lihat, (Ibn Abi Usaybi'ah, *Ibid*).

<sup>2</sup>Muhammad Lutfi Jum'at, Dr., *Tarikh Falasifah al-Islam*, Kaherah, 1928, h. 120.

Sejarawan mencatatkan bahawa setelah disiplin *Manṭiq* berkembang ke Dunia Islam, terdapat ramai dari kalangan tokoh-tokoh ulama Islam yang berminat untuk mendalami disiplin ini. Setelah mereka memiliki kefahaman yang jitu tentang selok belok disiplin ini, mereka telah berusaha menyebarkan pengetahuan mereka kepada masyarakat Islam di sekeliling mereka. Sumbangan mereka dalam menyebarkan disiplin *Manṭiq* di Dunia Islam, samada di Timur Islam atau pun di Barat (Sepanyol) adalah amat besar dalam lembaran sejarah perkembangan pemikiran Islam.

Kajian seterusnya akan cuba melihat sumbangan yang telah diberikan oleh beberapa orang tokoh *Manṭiq* seperti al-Kindī, al-Fārābī (m. 339 H./ 950 M.), Ibn Ṣīnā (m. 428 H./ 1036 M.), al-Imām al-Ghazālī (m. 505 H./ 1111 M.) dan juga Ibn Rūshd (m. 595 H./ 1198 M.). Tokoh-tokoh ini adalah tidak asing di kalangan para sarjana dan pengkaji sejarah pemikiran Islam. Sumbangan yang telah diberikan oleh mereka dalam lapangan ini kebanyakannya adalah dalam bentuk penghasilan karya-karya *Manṭiq* yang menjadi rujukan utama kepada para cendekiawan Islam dan juga Barat, dahulu dan kini.

### 3.1.1. Al-Kindī (m. 260 H./ 873 M.)

Beliau ialah Abū Yūsuf, Ya'qūb Ibn Ishaq Al-Kindī<sup>1</sup>, merupakan seorang tokoh ahli Falsafah Islam yang tersohor di kalangan umat Islam yang mendalami semua bidang ilmu pengetahuan Greek, Parsi dan juga Hindu.<sup>2</sup> Beliau telah digelar sebagai

<sup>1</sup>Ibn Juljul, Abū Dawūd, Sulaymān Ibn Ḥassān, *Tabaqāt al-Āṣibā' Wa al-Hukamā'*. Kaherah, 1955, h. 73. Lihat juga, J. Jolivet dan R. Rashed dalam *The Encyclopaedia Of Islam*, vol. V, h. 122. Beliau telah dilahirkan pada tahun 185 H./ 801 M. dan telah meninggal dunia pada tahun 252 M./ 866 M. Lihat, (*The Encyclopaedia Of Islam*, *Ibid.*)

<sup>2</sup>Al-Qifī, *Op.cit.*, h. 240.

*faylasūf al-‘Arab* (ahli Falsafah berbangsa Arab)<sup>1</sup> kerana al-Kindī merupakan seorang ahli Falsafah Islam yang berbangsa Arab asli.<sup>2</sup> Al-Kindī telah banyak memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran disiplin-disiplin ilmu Falsafah dalam masyarakat Islam. Selain daripada itu, beliau juga merupakan salah seorang tokoh penterjemah terkenal yang telah menterjemahkan banyak kitab-kitab Falsafah dan berusaha mempermudahkan kesulitan-kesulitan yang terdapat di dalam kitab-kitab tersebut.<sup>3</sup>

Al-Kindī telah mendapat kedudukan yang tinggi di sisi khalifah al-Ma’mūn, al-Mu’tasim dan juga anaknya Alīmad.<sup>4</sup> Kedudukan ini telah diperolehnya kerana sumbangan beliau yang besar dalam penyebaran disiplin ilmu Falsafah Greek yang amat diminati oleh para khalifah Islam tersebut dalam masyarakat. Beliau secara langsung terlibat dengan aktiviti-aktiviti penterjemahan, penghasilan karya, dan pengajaran disiplin *Manṭiq* dalam masyarakat Islam.

Sesuai dengan kedudukan dan penghormatan yang telah diberikan oleh masyarakat kepadanya, al-Kindī telah berjaya menghasilkan banyak kitab-kitab dan risalah yang berkaitan dengan semua bidang ilmu pengetahuan. Menurut Ibn Juljul, al-Kindī merupakan seorang yang alim dalam bidang perubatan, Falsafah, Aritmetik,

<sup>1</sup>Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 371. Lihat juga, Brockelmann, *Op.cit.*, h. 202. Walau bagaimana pun, menurut J. Jolivet dan R. Rashed, Ibn Khaldun tidak menyenaraikan al-Kindī sebagai salah scorang daripada ahli Falsafah Islam (*Islamic Philosopher*). Lihat, (*The Encyclopaedia Of Islam*, vol. V, h. 123).

<sup>2</sup>Umar Farrūkh, Dr., ‘Abqariyyah al-‘Arab Fi al-‘Ilm Wa al-Falsafah, Damshiq, 1945, h. 100.

<sup>3</sup>Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 371

<sup>4</sup>Lihat, Ibn Abī Usaybi‘ah, *Op.cit.*, h. 207. *The Encyclopaedia Of Islam*, vol. V, h. 122.

*Manṭiq*, Geometri dan beberapa disiplin ilmu yang lain.<sup>1</sup> Walau bagaimana pun, kebanyakan karya-karya tersebut telah hilang dan tidak dapat dikesan oleh para pengkaji.

Antara karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau dalam bidang *Manṭiq*, sebagaimana yang telah disebut oleh al-Qifī dan Ibn al-Nadīm ialah seperti berikut:<sup>2</sup>

- 1) *al-Madkhāl al-Manṭiqiyy al-Mustawfiyy*.
- 2) *al-Madkhāl al-Mukhtaṣar*.
- 3) *al-Maqūlāt al-‘Ashr*.
- 4) *Kitāb Fī al-Ibānah ‘An Qawl Baṭlīmūs Fī Awwal al-Majistī Ḥakiyyan ‘An Aristūnālis Fī Anālūqā*.
- 5) *Kitāb Fī al-Iḥtirās ‘An Khida‘ al-Sīfsāṭa‘iyyah*.
- 6) *Kitāb Fī al-Burhān al-Manṭiqiyy*.
- 7) *Risālah Fī al-Āṣwāt al-Khamṣah*.
- 8) *Risālah Fī Sam‘ al-Kayān*.
- 9) *Risālah Fī Ālah Mukhrījah Li al-Jawāmi‘*.<sup>3</sup>

Selain dari menghasilkan karya-karya *Manṭiq*, kita juga sedia maklum bahawa beliau juga telah terlibat secara langsung dalam kegiatan pengajaran *Manṭiq* kepada individu-individu yang berminat dengan disiplin ini. Kegiatan ini telah berjaya melahirkan beberapa tokoh *Manṭiq* Islam selepasnya seperti Ahmad Ibn al-Tayyib,

<sup>1</sup>Ibn Juljul, *Op.cit.*, h. 73.

<sup>2</sup>Al-Qifī, *Op.cit.*, h. 242. Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 372.

<sup>3</sup>Al-Ahwāni memasukkan risalah ini dalam kategori kitab-kitab Aritmetik beliau. Lihat (Al-Ahwāni, *al-Kindī Faylasuf al-‘Arab*, Kaherah, t.t., h. 81)

Quwayrī dan juga Ibn Karmīb dan Alīmad Ibn Muḥammad al-Sarkhašī (m. 286 H/ 899 M.).<sup>1</sup>

Walaupun al-Kindī telah banyak memberi sumbangan dalam bidang *Mantiq*, kewibawaan beliau dalam bidang ini telah dipertikaikan oleh sejarawan Andalus terkenal, al-Qādī Ṣā'īd al-Andalūsiyy. Beliau telah mengkritik kitab-kitab *Mantiq* karangannya kerana kitab-kitab tersebut tidak memuatkan perbahasan tentang *ṣinā'ah al-Tahlīl*<sup>2</sup> atau seni *Analytica*, yang merupakan satu metod untuk membezakan antara kebenaran dan kepalsuan. Sementara *ṣinā'ah al-Tarkīb* (seni penyusunan) yang terdapat dalam karya beliau, penggunaannya hanya terhad kepada mereka yang memiliki atau mengetahui tentang mukadimah-mukadimah terdahulu yang hanya boleh diperolehi melalui *ṣinā'ah al-Tahlīl*.<sup>3</sup>

Walau bagaimana pun, menurut Ibn Abī Uṣaybi'ah kritikan sebegini tidak boleh merendahkan keilmuan al-Kindī dalam bidang *Mantiq* dan mengikis minat orang ramai untuk membuat kajian dan mengambil manfaat dari karya-karya beliau.<sup>4</sup> Dalam hal ini penulis berkeyakinan bahawa kritikan sebegini tidak boleh menjatuhkan kedudukan al-Kindī sebagai seorang tokoh ahli Falsafah Islam pertama yang telah

<sup>1</sup>Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 379-381. Ṣā'īd al-Andalūsiyy, *Op.cit.*, h. 136-137

<sup>2</sup>Perbahasan tentang *ṣinā'ah al-Tahlīl* (*Analytica*), sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Farābī adalah berkisar kepada *Analytica Priora* dan *Analytica Posteriora*. *Analytica Priora* adalah perbahasan berkenaan dengan kaedah-kaedah qias (*sillogisme*) yang digunakan dalam lima jenis argumen, iaitu demonstratif, dialektif, sofistik, retorik dan puitik. Sementara *Analytica Posteriora* pula membahas tentang kaedah-kaedah pembuktian demonstratif dan sifat dasar pengetahuan ilmiah. Lihat, (Al-Farābī, *Op.cit.*, h. 64. Majid Fakhry *Op.cit.*, h. 136.)

<sup>3</sup>Ṣā'īd al-Andalūsiyy, *Op.cit.*, h. 136.

<sup>4</sup>Ibn Abī Uṣaybi'ah, *Op.cit.*, h. 208.

memberi sumbangan yang amat besar kepada perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam, khususnya melalui penghasilan karya-karya *Mantiq* yang menjadi rujukan kepada tokoh-tokoh Falsafah Islam yang muncul selepasnya. Kelemahan sedikit yang ada pada beliau tidak sepatutnya dijadikan sebagai hujjah untuk merendahkan kedudukan beliau dalam bidang *Mantiq* kerana tahap kefahaman umat Islam terhadap disiplin *Mantiq* yang baru dipindahkan ke Dunia Islam di zamannya adalah lebih rendah berbanding dengan zaman selepasnya.

### 3.1.2. *Al-Farābī* (m. 339 H./ 950 M.)

Beliau ialah *Abū Naṣr*, *Muhammad ibn Muḥammad ibn Ṭarkhan*.<sup>1</sup> *Al-Farābī* yang berketurunan asal Turki, merupakan antara tokoh ahli Falsafah Islam terkenal yang menyambung tradisi berfikir yang telah dimulakan oleh al-Kindī. Beliau yang bergiat cergas sepanjang hidupnya dalam bidang Falsafah, merupakan tokoh terawal yang pakar dalam bidang *Mantiq* dan disiplin-disiplin ilmu klasik yang lain sehingga digelar sebagai guru yang kedua selepas Aristotle.<sup>2</sup> Di kalangan sarjana Barat, *al-Farābī* dikenali

<sup>1</sup>Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 382. Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 182. Ibn Khallikān, *Op.cit.*, h. 153. Lihat juga R. Walzer dalam *The Encyclopaedia Of Islam*, j. 2, h. 778. Ibn Abī Usaybi'ah menyebut namanya sebagai *Abū Naṣr*, *Muhammad ibn Awzalagh ibn Ṭarkhan*, (Ibn Abī Usaybi'ah, 'Uyun al-Anbā', j. 2, h. 134.), sementara Ṣā'id al-Andalusīyy menyebut namanya sebagai *Abu Naṣr Muḥammad ibn Muḥammad ibn Naṣr*, (Ṣā'id al-Andalusīyy, *Op.cit.*, h. 137).

<sup>2</sup>Resher, Nicholas, *Al-Farabi's Short Commentary On Aristotle's Prior Analytics*, Pittsburgh, 1963, h. 596. R. Walzer, *The Encyclopaedia Of Islam*, vol. 2, h. 778. Dr. Oemar Amin Hoesin menyatakan bahawa gelaran ini diberikan kepada beliau oleh ahli-ahli Falsafah Islam kerana sumbangan al-Farabi dalam bidang *Mantiq* yang memang menjadi minat beliau sepanjang beliau menuntut ilmu pengetahuan. Lihat, (Oemar Amin Hoesin, Dr., *Filsafat Islam*, Jakarta, 1975, h. 88.)

dengan nama *Avernasar*.<sup>1</sup> Beliau telah dianggap oleh sejarawan Ḫāfiẓ al-Andalusīyy sebagai *faylasūf al-Islām* dalam erti kata yang sebenarnya.<sup>2</sup>

Menyingkap latar belakang pengajian beliau, catatan sejarah menunjukkan bahawa al-Fārābī mempelajari *Mantiq* daripada Abū Bishr Mattā ibn Yūnus dan Yuhannā ibn Ḥayalān.<sup>3</sup> Abū Bishr adalah seorang tokoh Falsafah dan penterjemah terlibat secara langsung memberi pengajaran tentang *Mantiq* kepada ratusan penuntut di Baghdad. Selepas berguru dengan beliau, al-Fārābī berguru pula dengan Yuhannā ibn Ḥayalān, seorang ahli Falsafah Kristian yang ditemuinya di bandar Harrān semasa beliau mengembara ke sana.<sup>4</sup>

Selepas daripada itu beliau berusaha sendiri secara intensif menekuni bidang *Mantiq* semasa beliau berada di Baghdad. Berkat usaha gigih beliau dalam mendalami bidang *Mantiq*, al-Fārābī akhirnya muncul sebagai seorang tokoh *Mantiq* Islam yang sukar ditandingi oleh sesiapa pun di zamannya.<sup>5</sup>

Meneliti kepada fakta-fakta di atas, penulis merumuskan bahawa beliau merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang mempunyai kefahaman yang mantap dalam bidang *Mantiq* bebanding dengan al-Kindī yang muncul sebelumnya. Tidak syak

<sup>1</sup>Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 382.

<sup>2</sup>Ḥāfiẓ al-Andalusīyy, *Op.cit.*, h. 137. Kita sedia maklum bahawa tokoh sejarawan Islam terkenal di Andalus ini telah mengkritik al-Kindī kerana karya-karya *Mantiq* beliau tidak mengandungi *ṣinā’ah al-Tajhīl* atau *Analytica* (penulis).

<sup>3</sup>*Encyclopaedia Of Religion And Ethics*, *Op.cit.*, h. 757. Lihat juga, Idris bin Zakaria, *Teori Kenegaraan al-Fārābī*, Bangi, 1986, h. 26.

<sup>4</sup>Ibn Khallikān, *Op.cit.*, h. 154. Ḫāfiẓ al-Andalusīyy, *Op.cit.*, h. 137.

<sup>5</sup>Ibn Khallikān, *Ibid.*, h. 155.

lagi bahawa kefahaman terhadap sesuatu ilmu yang diperolehi melalui cara berguru dengan guru-guru yang pakar dalam sesuatu bidang adalah lebih mantap berbanding dengan kefahaman yang diperolehi melalui cara-cara yang lain. Kefahaman mantap inilah yang memberi kemampuan kepada al-Farabi untuk menekuni bidang *Mantiq* secara bersendirian.

Al-Farabi yang muncul selepas al-Kindi, telah berusaha menguraikan tentang kesulitan-kesulitan *Mantiq*, mendedahkan rahsia-rahsianya, memudahkan kefahamannya, serta menyatakan apa-apa yang tidak disebut oleh al-Kindi sebelumnya seperti *sina'ah* penganalisisan (*sina'ah al-Tahlil*).<sup>1</sup> Menurut Ibn Tufayl, Al-Farabi telah banyak menghasilkan karya-karya dalam bidang *Mantiq* berbanding dengan bidang-bidang ilmu pengetahuan yang lain.<sup>2</sup> Kenyataan beliau ini telah diperkuatkan oleh kenyataan Ibn Khallikan yang menyebut bahawa al-Farabi mempunyai banyak karya-karya berkaitan dengan bidang *Mantiq* dan juga Muzik serta lain-lain disiplin ilmu pengetahuan.<sup>3</sup>

Al-Farabi telah membuat ulasan terhadap keseluruhan *Organon*, karya Aristotle, termasuklah *Categoriae*, *Hermeneutika*, *Analytica Priora*, *Analytica Posteriora*, *Topica*, *Sophistica*, *Retorica* dan *Poetica*. Beliau juga telah mengemukakan syarah ke atas *Isagoge* karya Porphyry yang diletak di permulaan *Organon* sebagai

<sup>1</sup> Sa'id al-Andalusiyy, *Op.cit.*, h. 138. Lihat juga, Majid Fakhry, *Op.cit.*, h. 129.

<sup>2</sup> Umar Farrukh, Dr., *Ibn Tufayl Wa Qissah Hayy Ibn Yaqazan*, Beirut, 1959, h. 24.

<sup>3</sup> Ibn Khallikan, *Op.cit.*, h. 153.

pengenalan kepada karya tersebut.<sup>1</sup> Selain daripada ulasan-ulasan tersebut, beliau juga telah menghasilkan beberapa karya lain seperti *Kitāb Fī al-Lughāt*, *Kitāb Fī al-Alfāz Wa al-Hurūf*, dan *Kitāb al-Maqāyis*.<sup>2</sup>

Al-Fārābī juga menyentuh mengenai perbicaraan tentang ḥadīth-ḥadīth yang dikumpulnya bertujuan untuk memberitahu dan membuktikan bahawa *Mantiq* Aristotle sebenarnya digalakkan oleh ḥadīth-ḥadīth ini. Percubaan untuk menyediakan asas keagamaan kepada *Mantiq* diikuti dengan lebih bersungguh-sungguh kemudiannya oleh al-Ghazālī.<sup>3</sup>

Sebagai kesimpulannya, kita merumuskan bahawa al-Fārābī merupakan salah seorang tokoh Falsafah Islam yang telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam. Sumbangan beliau dapat kita lihat pada kegigihan beliau dalam melengkapkan kajian *Mantiq* yang telah dirintis oleh al-Kindī, mempermudahkan kefahaman seseorang terhadap kesulitan-kesulitan *Mantiq* dan berusaha menyediakan asas keagamaan bagi disiplin ini. Untuk merealisai objektif-objektif tersebut, beliau telah menghasilkan banyak karya-karya *Mantiq* untuk ditatapi oleh individu-individu yang berminat dengan disiplin ini.

<sup>1</sup>Osman Bakar, *al-Fārābī: Kehidupan, Hasil Karyanya Dan Perihal penting Tokoh*, Kuala Lumpur, 1992, h. 44. Ibn al-Nadīm hanya menyebut empat kitab sahaja yang diulas oleh al-Fārābī iaitu *Categoriae*, *Analytica Posteriora*, *Topica* dan *Sophistica*. Lihat (Ibn al-Nadīm, *Op.cit.*, h. 382.)

<sup>2</sup>Idris Zakaria, *Op.cit.*, h. 31.

<sup>3</sup>Osman Bakar, *Op.cit.*, h. 145.

### 3.1.3. *Ibn Sīnā* (m. 428 H./ 1036 M.)

Beliau ialah Abu 'Alī al-Husayn Ibn 'Abd Allah Ibn Sīnā<sup>1</sup> yang telah dilahirkan pada tahun 370 M/ 980 M.<sup>2</sup> Kemunculan Ibn Sīnā ialah kira-kira 30 tahun selepas kematian al-Farābī<sup>3</sup>. Beliau merupakan seorang tokoh Falsafah Islam yang terkenal di Dunia Islam dan juga Barat yang telah mendapat penghormatan dengan gelaran "*al-Shaikh al-Raīs*"<sup>4</sup> semasa hayatnya dan "*Faylasūf al-Islām*" selepas kepergiannya.<sup>5</sup> Sebagai seorang tokoh Falsafah Islam terkenal, sudah tentu beliau telah banyak memberi sumbangan kepada perkembangan pengajian Falsafah amnya dan juga *Mantiq* khasnya di Dunia Islam.

Menyingkap latarbelakang pendidikan beliau, kita akan dapati bahawa beliau telah mempelajari *Mantiq* daripada seorang guru dan ahli Falsafah terkenal bernama Abdullah al-Natīlī di *Bukhārā*.<sup>6</sup> Kecerdasan akal yang dimiliki oleh Ibn Sīnā yang sukar untuk ditandingi oleh sesiapa pun di zaman beliau telah menyebabkan beliau begitu

<sup>1</sup>Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 268.

<sup>2</sup>Ibid. Ibn Abī Usaybi'ah dalam kitabnya "*Uyūn al-Anbā'*" berpendapat bahawa beliau telah dilahirkan pada tahun 375 H/ 985 M. Lihat (Ibn Abī Usaybi'ah, "*Uyūn al-Anbā'*", j. 2., h. 7.), sementara Khwāndamīr dalam kitabnya "*Tarīkh Ḥabib al-Sir*", sebagaimana yang dipetik oleh Dr. Muḥammad 'Abduh dalam ulasan kitab "*al-Hidāyah*", karangan Ibn Sīnā berpendapat bahawa tarikh kelahiran beliau ialah pada tahun 373 H/ 983 M. Lihat, (Ibn Sīnā, *al-Hidāyah*, h. 10. Lihat juga, Anawātī, G.C, *Mu'allafat Ibn Sīnā*, Kaherah, 1950, h. 20.) Pendapat al-Qiftī ialah pendapat yang paling masyhur di kalangan para sejarawan.

<sup>3</sup>Untuk keterangan lanjut tentang bibliografi beliau, lihat ( Al-Qiftī, *Op.cit.*, h.268-278. Ibn Abī Usaybi'ah, "*Uyūn al-Anbā'*", j. 2., h. 2-20. Al-Shahrūzūrī, *Nuṣḥah al-Arwāh Wa Rawḍah al-Afārah*, Hayderabad, 1976, h. 224. Ibn Khallikān, *Wafayāt*, j.2., h. 157-162.)

<sup>4</sup>Al-'Aqqad, 'Abbas Mahmud, *Al-Shaikh al-Raīs Ibn Sīnā*, Kaherah, 1946, h. 12. Ungkapan "*al-Shaikh al-Raīs*" bermaksud ketua ahli Falsafah (*Raīs al-Falsafah*) atau *Prince Of Philosophers*. Al-Āhwānī berpendapat bahawa gelaran "*al-Shaikh*" yang merupakan satu gelaran akademik dan gelaran "*al-Raīs*" yang merupakan satu gelaran politik diberikan kepada beliau kerana penglibatan beliau dalam kedua-dua bidang tersebut. Lihat, (Al-Āhwānī, *Ibn Sīnā*, h. 19. Ja'far 'Alī Yāsīn, Dr., *Faylasūf 'Alam; Dirāsah Tadilīyyah Li Ḥayāt Ibn Sīnā Wa Elikh al-Falsafah*, Beirut, 1984, h. 25.)

<sup>5</sup>Uthman Amīn, *Shakhsiyat Wa Madhabih Falsafiyah*, Kaherah, t.t., h. 49.

<sup>6</sup>Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 269.

mudah dan cepat menguasai bidang *Mantiq* sehingga akhirnya dapat mengatasi keilmuan yang dimiliki oleh gurunya sendiri, Abdullah al-Natīlī. Lantaran itu beliau mengambil keputusan meninggalkan gurunya dan menelaah sendiri ulasan-ulasan *Mantiq* Aristotle yang terdapat di zamannya sehingga beliau dapat memahami ulasan-ulasan tersebut dengan baik. Selepas daripada itu beliau dapat membaca dan memahami kitab *Isagoge*<sup>1</sup>, karangan Porphyry (salah seorang pengulas Falsafah Aristotle yang terkenal).<sup>2</sup>

Ibn Sīnā sentiasa mengulangkaji kaedah-kaedah *Mantiq* yang telah dipelajarinya. Pernah beliau berjaga sepanjang malam dan menyibukkan dirinya disiang harinya semata-mata untuk tujuan mengulangkaji kaedah-kaedah tersebut. Sekiranya beliau merasa bingung tentang sesuatu masalah yang berkaitan dengan *Mantiq*, atau gagal memperolehi *al-Had al-Awsat* dalam sesuatu qias *Mantiq*, beliau akan sentiasa berulang alik ke Masjid untuk bersembahyang dan berdoa kepada Allah s.w.t dengan harapan kesulitan yang dialaminya akan dipermudahkan oleh Allah s.w.t.<sup>3</sup> Kegigihan beliau dalam menekuni bidang *Mantiq* membolehkan beliau menguasai bidang *Mantiq* sebelum umurnya mencecah 20 tahun.

Sebagai seorang tokoh Falsafah Islam, beliau telah memberi sumbangan yang besar dalam penghasilan karya-karya Falsafah dalam pelbagai cabangnya. Beliau

<sup>1</sup>Perkataan *Isagoge* adalah berasal dari perkataan Greek yang bermaksud "pengantar". Ia merupakan pengantar *Mantiq* Aristotle karangan Porphyry yang dianggap paling praktikal di Timur dan Barat sejak beberapa kurun. Lihat, (O'Leary, De Lacy, *How Greek Science Passed To The Arabs*, London, 1949, h. 26-29.)

<sup>2</sup>Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 269.

<sup>3</sup>*Ibid.*

dilaporkan telah mengarang lebih dari dua ratus kitab dan juga risalah ilmiah, yang mana dua pertiga daripadanya adalah berkaitan dengan bidang Falsafah seperti *Manṭiq*, Fizik, Psikologi (*‘Ilm al-Nafs*), Metafizik, Taṣawwuf, Akhlak, dan juga Politik.<sup>1</sup>

Antara karya-karya *Manṭiq* beliau yang telah disenaraikan oleh al-Qiftī ialah<sup>2</sup>:

- 1) *Al-Shifa'* ( kitab ini mengulas tentang disiplin *Manṭiq*, Mathematik, Fizik dan juga Metafizik.)
- 2) *Al-Najāt* (ianya merupakan ringkasan bagi *al-Shifa'*)
- 3) *Al-Iḥṣārāt Wa al-Tanbiḥāt*, (kitab ini mengulas tentang *Manṭiq* dan Falsafah.)
- 4) *Al-Mūjiz, al-Mukhtaṣar Al-Awsat*.
- 5) *Manṭiq al-Mashraqiyīn*.
- 6) *Risālah Fi Usūl ‘Ilm al-Burhān*.
- 7) *Risālah Fi al-Hudūd*.
- 8) *Al-Qaṣīdah al-Muzdawajah*.
- 9) *Muqālah Fi Ṭāq qub al-Wad’ al-Jadaliyy*.
- 10) *Maqālah Fi Ghārd Qatīghnuriyās*.
- 11) *Risālah Fi Māni Kitāb Rīqūriqā*.
- 12) *Aqsām al-‘Ulūm al-‘Aqliyyah*.

Selain daripada karya-karya di atas, tokoh sarjana moden, Dr Ja‘far Ḥāfiẓ Yāsīn menambah beberapa buah karya lagi. Antaranya adalah seperti berikut:<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Lihat mukadimah kitab *al-Shifa'* yang telah ditulis oleh Dr., Ibrāhīm Maḍkūr dalam (Ibn Sīnā, *al-Shifa'*, j.1, h. 17.).

<sup>2</sup>Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 272.

<sup>3</sup>Ja‘far Ḥāfiẓ Yāsīn, *Op.cit.*, h.67-68.Untuk keterangan yang lebih detail tentang karya-karya Ibn Sīnā dalam bidang *Manṭiq*. Lihat, ( Anawati, *Op.cit.*, h. 30-43.)

- 1) *Arjūzah Fī al-Manṭiq*.
- 2) *Maqālah Fī al-Ishārah Ila al-Manṭiq*.
- 3) *Risālah Fī Anwār al-Qaḍayā*.
- 4) *Al-Bahjah Fī al-Manṭiq*.
- 5) *Mafātiḥ al-Khaṣā'īn Fī al-Manṭiq*.
- 6) *Ajwibah al-Shaikh al-Ra'iṣ Abī 'Alī Ibn Sīnā Ila Abī Sa'id Ibn Abī al-Khayr*.

Sebagai kesimpulannya, kita merumuskan bahawa Ibn Sīnā merupakan seorang tokoh Falsafah Islam yang telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan pengajian *Manṭiq* di Dunia Islam melalui penghasilan karya-karya *Manṭiq* yang berkualiti. Karya-karya tersebut telah menjadi rujukan utama kepada para sarjana dan pengkaji *Manṭiq* Klasik. Ketokohan beliau dalam bidang *Manṭiq* adalah kelihatan lebih terserlah berbanding dengan tokoh-tokoh *Manṭiq* sebelumnya.

### 3.1.4. *Al-Ghazālī* (m. 505 H/ 1111 M.)

Beliau ialah *Abū Ḥamid, Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Ghazālī*,<sup>1</sup> yang telah dilahirkan pada tahun 450 H./ 1058 M.<sup>2</sup> di sebuah kampung bernama "*Ghazālah*", (sebuah kampung di pinggir kota kecil bernama "*Tiś*" dalam wilayah Khurasān di utara Iran)<sup>3</sup>. Tokoh Islam yang terkenal dengan gelaran

<sup>1</sup>Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A'yān*, j.4, h. 216. al-Subkī, 'Abd al-Wahhāb ibn Taqīy al-Dīn, *Tabaqāt al-Shafi'iyyah al-Kubrā*, Kaherah, j.4, t.t. h. 101. Lihat juga, *Encyclopaedia Of Religion And Ethic*, vol. III, h. 326.

<sup>2</sup>Al-Subkī, *Ibid*, 102.

<sup>3</sup>Ibn Khallikān, *Op.cit.*, h. 216.

"*Injāt al-Islām*"<sup>1</sup> ini telah mempelajari *Mantiq*, di samping ilmu-ilmu pengetahuan yang lain daripada Ḥiyya' al-Dīn Abī al-Ma'ālī al-Juwaynī yang lebih popular dengan gelaran, al-Imām al-Haramayn di Naisabur ketika beliau berusia 23 tahun.<sup>2</sup>

Beliau adalah antara tokoh pemikir Islam yang walau pun bukan tergolong dari kalangan tokoh-tokoh Falsafah, namun telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam. Sebagai seorang tokoh pemikir dan *hujjat al-Islām*, beliau telah menghasilkan banyak karya-karya ilmiah dalam bidang ilmu pengetahuan. Antara karya-karya beliau yang terkenal dalam bidang *Mantiq* ialah:

- 1) *Mi'yār al-'Ilm.*<sup>3</sup>
- 2) *Mihāk al-Naẓar.*<sup>4</sup>
- 3) *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Uṣūl.*<sup>5</sup>
- 4) *Maqāsid al-Falasifah.*<sup>6</sup>
- 5) *Asās al-Qiyās.*<sup>7</sup>

<sup>1</sup>*Ibid.*

<sup>2</sup>Lihat, Sidik bin Hj. Baba, *Rivayat Hadīth al-Imām al-Ġħażali*, Kuala Lumpur, 1988, h. 4.

<sup>3</sup>Ibn Khallikān, *Wafayāt al-Āfiyān*, j. 4., h. 218. Lihat juga tulisan Ibrāhīm Madkūr, *al-Ġħażali al-Faylasuf*, dalam *Abū Ḥamid al-Ġħażali Fī al-dhikrā al-Mi'awiyah Li al-Tas'ah Li Mīladih*, Damšiq, 1961, h. 214.

<sup>4</sup>Ibn Khallikān, *Ibid.*, h. 218.

<sup>5</sup>Walau pun kitab ini membicarakan tentang *'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, tetapi di dalamnya terdapat satu mukadimah *Mantiq* yang telah dikarang khusus oleh al-Ġħażali sebagai pengantar bagi *'Ilm Uṣūl al-Fiqh*. (penulis)

<sup>6</sup>Ibn Khallikān, *Op.cit.*, 218. Kitab ini telah diringkaskan oleh Abū al-‘Abbas Ahmad Ibn Muḥammad al-Isħbili (m. 651 H/ 1253 M.) dan juga Abū al-Walīd, Muhammād Ibn Abī Rūqād (m. 595 H/ 1198 M.). Ulasannya telah dibuat oleh Abū al-Ḥasan Ibn ‘Abd al-‘Azīz al-Fihri (m. 776 H/ 1374 M.) dan dierit oleh Sulaymān Ibn Dawūd al-Ġħarnati (m. 832 H/ 1428 M.). Melalui kitab ini, al-Imām al-Ġħażali mengkritik dan membantalkan tujuan-tujuan ahli Falsafah dengan menggunakan *Mantiq*. Lihat, (Nu'aym, *Op.cit.*, h. 296.)

<sup>7</sup>Kitab ini telah disebut oleh al-Ġħażali dalam kitabunya *al-Mustasfa*. Ia dikarang oleh beliau bertujuan untuk menjelaskan tentang masalah-masalah yang berhubung dengan penggunaan qias (*al-Qiyās*). lihat, (Mohd Nor bin Ngah, *Hasil Karya Dan Pemulisan al-Ġħażali*, Kuala Lumpur, 1988, h. 522.)

## 6) *Mi'yār al-'Uqūl* (Ukuran Akal).<sup>1</sup>

Kitab *Mi'yār al-'Ilm* adalah merupakan karya beliau yang terunggul dalam bidang *Mantiq*. Ianya telah dikarang oleh beliau bagi maksud menjelaskan tentang komitmen beliau terhadap *Mantiq* sebagai satu neraca ukuran bagi ilmu pengetahuan. Melalui penghasilan karya ini, beliau berusaha untuk menjadikan *Mantiq* sebagai neraca ukuran (*mi'yār*) bagi ilmu pengetahuan.<sup>2</sup> Kitab ini menurut Dr. Sulaymān Dūnyā, adalah pada asalnya merupakan satu bahagian daripada kitab "*Tahāfut al-Falasifah*", namun peredaran zaman telah menyebabkan ianya terpisah dari kitab asalnya.<sup>3</sup>

Sementara kitab *al-Mustasyfa* pula merupakan percubaan pertama beliau untuk mendekatkan antara *Mantiq*, yang telah ditolak oleh sebahagian besar para ulama *al-Salaf* sebelumnya dengan disiplin-disiplin ilmu Islam melalui pengadunan disiplin tersebut dengan *'Ilm Usūl al-Fiqh*.

Dalam memperkatakan tentang sumbangan al-Ghazālī dalam perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam, kita juga tidak lupa tentang sumbangan beliau dalam menyampaikan pengajaran *Mantiq*, disamping disiplin-disiplin ilmu yang lain kepada para mahasiswa yang menuntut di Institut Pengajian *al-Nizāmiyyah* di Baghdad. Beliau telah menjadi tenaga pengajar yang penting di Institut ini selama lima tahun, iaitu bermula tahun 484 H./ 1091 sehingga beliau mengambil keputusan meletakkan

<sup>1</sup>*Ibid.*, h. 526.

<sup>2</sup>Al-Ghazālī, Abu Ḥāmid, *Mi'yār al-'Ilm Fī al-Mantiq*, Beirut, 1990, h. 222.

<sup>3</sup>Lihat ulasan Dr. Sulaymān Dūnyā terhadap kitab *Tahāfut al-Falasifah*, dalam (Al-Ghazālī, Abu Ḥāmid, *Tahāfut al-Falasifah*, Kaherah, 1987, h. 87.)

jawatannya sebagai tenaga pengajar di Institut tersebut untuk menjalani kehidupan sebagai seorang sufi pada tahun 488 H./ 1095 M.<sup>1</sup>

Berdasarkan kepada huraian di atas, kita menyimpulkan bahawa al-Imām al-Ghazālī merupakan seorang tokoh ulama Islam yang telah banyak memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam. Beliau juga telah dianggap sebagai seorang tokoh ulama Islam pertama yang cuba mengadunkan pengajian *Mantiq* dengan disipilin ilmu Islam. Tindakan beliau ini walau pun telah ditentang oleh sebahagian besar dari kalangan ulama yang mendokongi aliran pemikiran *al-Salaf*, seperti Ibn Taymiyyah, telah diikuti oleh beberapa tokoh ulama terkemudian seperti al-Bayḍāwī, al-Ījī dan lain-lain lagi.

### 3.1.5. *Ibn Rushd* (m. 595 H./ 1198 M.)

Selelah kegiatan Falsafah di Baghdad menjadi semakin lemah, Falsafah Greek kemudiannya dikembangkan pula ke Andalus (Sepanyol). Memang diakui bahawa pertumbuhan dan perkembangan Falsafah dalam pelbagai cabangnya termasuk *Mantiq* di Andalus mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan Falsafah yang berlaku di Baghdad. kemunculan Falsafah di Baghdad merupakan faktor utama bagi kemunculan Falsafah di sana.<sup>2</sup> Membicarakan tentang perkembangan Falsafah Greek di Andalus, kita akan menemui beberapa nama seperti Ibn Bajah (m. 333 H./ 1139 M.), Ibn

<sup>1</sup> Ibn Khallikān, *Wafāyat al-'yan*, h. 217.

<sup>2</sup> Ahmad Amin, Dr., *Zuhr al-Islam*, Kaherah, j.3, 1952, h. 263.

Ḥazm (m. 456 H/ 1063 M.), Ibn Ṭufayl (m. 581 H/ 1185 M.), ) dan Ibn Rushd yang telah memberi sumbangan yang besar dalam penyebaran disiplin *Mantiq*.

Memandangkan Ibn Rushd merupakan tokoh Falsafah Islam yang paling popular di Andalus berbanding dengan tokoh-tokoh yang lain, kajian ini akan cuba menjelaskan tentang sumbangan beliau dalam penyebaran disiplin *Mantiq* di sana.

Beliau ialah *Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Rushd* yang dilahir dan dibesarkan di Cordova, Sepanyol<sup>1</sup>. Di Barat beliau lebih popular dengan nama *Avveros*.

Menyingkap tentang latarbelakang pendidikan beliau, kita akan mengetahui bahawa beliau telah mempelajari Falsafah (termasuk *Mantiq*) dan ilmu kedoktoran daripada Ibn Bajah.<sup>2</sup> Dalam masa yang singkat sahaja beliau telah dapat menguasai kedua-dua bidang tersebut. Walau bagaimana pun beliau tidak menonjolkan dirinya sebagai seorang yang bijak dalam bidang Falsafah pada peringkat awalnya kerana takut difitnah sebagai seorang yang telah menyeleweng akidahnya gara-gara mendekati disiplin tersebut. Kita sedia maklum bahawa masyarakat Islam di andalus pada peringkat awalnya menolak dan mengharamkan semua disiplin ilmu Falsafah Greek.

Sebagai seorang tokoh Falsafah Islam terkenal, beliau telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan pengajian *Mantiq* dan Falsafah di

<sup>1</sup>Ibn Abī Usaybi'ah, *Tārīkh*, j. 2., h. 75.

<sup>2</sup>*Ibid.*, h. 63.

Andalus. Antara sumbangan beliau yang terpenting menurut Brockelmann ialah kejayaan beliau membuat ulasan terhadap karya-karya Aristotle berkaitan dengan bidang Falsafah (termasuk *Mantiq*). Usaha ini telah dilakukan oleh beliau bagi memenuhi permintaan Khalifah Ya'qūb al-Manṣūr (580-596 H./ 1184-1199 M.) yang mendesak beliau berbuat demikian kerana kandungan karya-karya *Mantiq* Aristotle yang sedia ada terlalu sukar untuk difahami oleh orang ramai.<sup>1</sup>

Memandangkan beliau tidak mampu untuk memahami bahasa Greek, beliau telah berusaha mengumpulkan karya-karya terjemahan *Mantiq* yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh penterjemah seperti Hunayn Ibn Ishāq, Ishāq Ibn Hunayn, Yahyā Ibn ‘Adī dan juga Abū Bishr untuk dijadikan sebagai rujukan beliau dalam menghasilkan ulasan terhadap *Mantiq* Aristotle. Setelah karya-karya tersebut dikumpul, beliau membandingkan antara karya-karya tersebut bagi memilih karya yang paling sahih terjemahannya agar beliau dapat mengelakkan dirinya dari kesilapan atau kesalahan terjemahannya yang berlaku kepada sebahagian penterjemah karya-karya tersebut.<sup>2</sup>

Beliau yang menganggap *Mantiq* sebagai satu keperluan utama bagi mereka yang ingin membincangkan sesuatu ilmu, akhirnya telah berjaya menghasilkan beberapa karya yang berbentuk ulasan dan ringkasan *Mantiq* seperti berikut:<sup>3</sup>

- 1) *Talkhiṣ Kitāb al-Burhān*.
- 2) *Al-Maṣā'il al-Muhibimah ‘Alā Kitāb al-Burhān*.

<sup>1</sup>Brockelmann, *Op.cit.*, h. 328. Lihat juga Ahmad Amin, *Op.cit.*, h. 247.

<sup>2</sup>Al-‘Irāqī, Muḥammad ‘Ajjīf, Dr., *Al-Nazāhah al-‘Aqlīyyah Fi Falsafah Ibn Rushd*, Kaherah, 1928, h. 40.

<sup>3</sup>Ibn Abī Ḥaṣibah, *Uyun al-Anba'*, j. 2., h. 77. Lihat juga, Muḥammad Lutfī Jum'at, *Op.cit.*, h. 149.

- 3) *Sharḥ Kitāb al-Qiyās*.
- 4) *Maqālāt Fī al-Qiyās*.
- 5) *Mukhtaṣar al-Manṭiq*.
- 6) *Sharḥ al-Fārābī Wa Arisqū Fī al-Manṭiq*.
- 7) *Naqd al-Fārābī Fī al-Tahdīd al-Thānī Li Arisqū*.

Selain daripada menghasilkan karya-karya yang telah disenaraikan di atas, beliau juga telah berjaya menghasilkan satu karya terpenting beliau dalam bidang *Manṭiq* yang berjudul *al-Darūriyy Fī al-Manṭiq*. Karya ini telah dijadikan sebagai lampiran kepada *sharḥ* atau ulasan kitab Aristotle yang telah dibuatnya.<sup>1</sup>

Berdasarkan kepada keterangan di atas, kita menyimpulkan bahawa Ibn Rushd telah memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan disiplin *Manṭiq* ke Andalus. Beliau telah berjaya membuat ulasan terhadap karya-karya *Manṭiq* yang telah ditinggalkan oleh Aristotle, tokoh Falsafah yang amat disanjunginya. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh beliau merupakan kesinambungan kepada usaha-usaha penyebaran *Manṭiq* yang telah dirintis tokoh-tokoh pemikir Andalus sebelumnya seperti Ibn Bajah dan juga Ibn Tufayl.

Selain dari tokoh-tokoh yang disebutkan di atas, terdapat ramai lagi tokoh-tokoh ulama Islam yang memainkan peranan yang besar dalam perkembangan pengajian *Manṭiq* di Dunia Islam samada di Timur Islam ataupun di Barat (Andalus). Antaranya

<sup>1</sup>Muhammad Lutfī, *Ibid*.

ialah kumpulan *Ikhwan al-Safa* ( muncul pada pertengahan abad ke 10 M.), Abu ‘Abd Allah al-Khawārizmī (m. 387 H./ 997 M.), al-Tibrīzī (m. 503 H./ 1109 M.), al-Asmawi (m. 682 H./ 1283 M.), al-Samarqandī (m. 690 H./ 1291 M.), al-Abhari (m. 696 H./ 1296 M.) dan lain-lain lagi. Al-Sayyid Jamaluddin al-Afghānī (m. 1315 H./ 1897 M. ) dan al-Shaikh Muhammad ‘Abduh (m. 1323 H./ 1905 M.) merupakan dua orang tokoh pemikir dan mujaddid Islam di zaman moden yang juga terlibat dalam usaha menyebarkan disiplin *Mantiq* dalam masyarakat Islam di zaman moden.

#### 4. Kasimpulan.

Setelah dihuraikaan tentang sejarah perkembangan pengajian *Mantiq* di Dunia Islam, kajian ini merumuskan bahawa disiplin *Mantiq* berkembang ke Dunia Islam menerusi kegiatan penterjemahan karya-karya *Mantiq* pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah. Penyebaran disiplin ini seterusnya dibuat secara lebih meluas melalui kegiatan pengajaran *Mantiq* yang dikendalikan oleh tokoh tokoh *Mantiq* terkenal di Baghdad. Kegiatan penterjemahan yang mendapat sokongan kuat oleh pihak pemerintah Islam dari Dinasti Abbasiyah merupakan faktor utama kemasukan *Mantiq* ke Dunia Islam sementara kegiatan pengajaran *Mantiq* pula banyak membantu menyebarkan disiplin ini ke seluruh pelusuk Dunia Islam.

Setelah disiplin *Mantiq* berkembang ke Dunia Islam, terdapat ramai dari kalangan tokoh-tokoh ulama dan pemikir Islam yang berkecimpung dalam bidang *Mantiq* seperti al-Kindī, al-Farābī, Ibn Sīnā, al-Ghazālī, Ibn Rushd dan lain-lain lagi. Mereka telah menyumbangkan usaha dalam menterjemah, mengulas, dan meringkaskan

karya-karya *Mantiq* silam karangan Aristotle. Disiplin *Mantiq* yang terus tersebar secara meluas dalam masyarakat Islam akhirnya telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam dan meresapi beberapa disiplin ilmu Islam khususnya *Ilm al-Kalām* dan *Ilm Usūl al-Fiqh*. Perkembangan ini telah melahirkan reaksi yang berbeza di kalangan para ulama Islam.